



BULETIN DBKK

DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

JAN - JUN 2024



SELAMAT

ULANG TAHUN

BANDARAYA KOTA KINABALU!

KENALI
MAYOR



KK HIJAU DAN INDAH



LAWATAN DELEGASI DARIPADA
KERAJAAN CHINA CHANGSHA CITY



DBKK DAN KOMUNITI,
WE TEAM UP!



ISI KANDUNGAN

03	Sidang Redaksi Buletin
04	Ahli Jawatankuasa Buletin DBKK
05	Dari Pena Mayor
06	Kenali Mayor
07	Kenali Ahli Lembaga Penasihat DBKK
08	Selamat Ulang Tahun, Bandaraya Kota Kinabalu!
10	Sambutan dan Keraian DBKK
15	Ramadan dan Syawal Bersama DBKK
18	Jejak Diari Mayor
24	Lawatan dan Kunjungan Rasmi PBT
26	DBKK dan Komuniti, <i>We Team Up!</i>
30	KK Bersih dan Sihat
36	KK Hijau dan Indah
41	<i>Go Enforce!</i>
47	<i>DBKK On Site</i>
50	Pemantapan Kualiti
55	Aktiviti Audit
57	Ke Arah Digitalisasi
57	Penyelidikan dan Pembudayaan Inovasi
61	Pengurusan Luar Bandar
62	Cerita Sukan DBKK
66	Anugerah DBKK
67	Salam Kasih, Dari PUSPANITA CBKK
71	Bersama DBKK Holdings Sdn. Bhd.
72	Jasamu Dikenang
74	Belasungkawa

SIDANG REDAKSI



PENAUNG

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*
Mayor Bandaraya Kota Kinabalu



PENASIHAT

Sr. Lifred Wong
Ketua Pengarah, DBKK



PENGERUSI

Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani
Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan), DBKK



KETUA EDITOR

Puan Jainab Saidi
Pengarah Jabatan Pengaduan dan Perhubungan Awam, DBKK



EDITOR 1

Puan Norsarahana Zaki
Ketua Bahagian Media dan Komunikasi
JPPA, DBKK



EDITOR 2

Puan Noorziana Zainih
Ketua Unit Penerbitan dan Acara
JPPA, DBKK



EDITOR 3

Cik Eleanor Michelle Patrick
Ketua Unit Liputan
JPPA, DBKK



SUMBER FOTO

Encik Mohd. Asruddey bin Rusli
Pejabat Mayor, DBKK



SUMBER FOTO

Encik Renaldo Fernandez
JPPA, DBKK

SUMBANGAN ARTIKEL

Ahli-ahli Jawatankuasa
Penerbitan Buletin DBKK
Tahun 2024

AHLI JAWATANKUASA BULETIN DBKK



BERDIRI DARI KIRI:

Puan Dayang Intan Shaherah, Puan Nur Syafiqah Aton Abdullah, Cik Eleanor Michelle Patrick, Puan Jusmiati Gusmit, Puan Eylla Suhaiza Bt. Suhaili, Puan Fauziah Nawati, Puan Ardawiyah binti Asri, Encik Clarence Ginsuroh, Encik Kennedy Anak Gelungan, Encik Mohd. Kamsul Shah bin Kassim, Encik Muhammad Uthman bin Sarimal, Encik Renaldo Fernandez, Encik Merin Sidin, Puan Noorziana binti Zainih, Puan Noor Shamsiah Saiman, Puan Raynih Mohd. Yussof, Puan Salvia Yusop, Puan Inandasak binti Maringan, Puan Hajah Azuanah Haji Amin, Puan Nurhazirah binti Hanapi, Puan Narissa binti Hamza dan Puan Dappe Jibul

DUDUK DARI KIRI:

Puan Nurnabilah binti Berhaman, Puan Hafidah Jaffar, Puan Hajah Asmah Entoh, Puan Hanifah Abd. Rasid, Puan Hana'aifah binti A.S. Suhaili, Puan Nazirah binti Uda, Puan Jainab Saidi, Puan Faradillah binti Hj. Abdul Rani (Pengerusi), Encik Abdul Mukti bin Haji Muchlish, Puan Hajah Lizawana Matin, Puan Darna binti Badawi, Encik Zainuddin bin Abd. Goyoh, Puan Sherin Nur Nadzreena binti Mansur, Puan Norsarahana binti Zaki dan Encik Fadillah Muis

TIADA DALAM GAMBAR:

Puan Erylin Hanis, Puan Olivia Oliver, Puan Michellelaine Louis, Puan Haslindah binti Ag. Hamit, Cik Tuty Shareena binti Roslie, Encik Mohd. Asruddey bin Rusli, Puan Salmah Batin dan Puan Nor Hafizah Niasin

DARI

Pena

MAYOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Malaysia Madani dan Salam Sabah Maju Jaya.

Buletin DBKK Edisi Januari-Jun 2024 ini membawa perkongsian tentang perkembangan dan pencapaian Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) sehingga pertengahan tahun ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah, khususnya Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor atas pelantikan saya sebagai Mayor Bandaraya Kota Kinabalu ke-7.

Tanggungjawab menerajui Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bukanlah satu perkara yang mudah malah satu cabaran yang tinggi, terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada para pembayar cukai yang semestinya mempunyai ekspektasi yang tinggi.

Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-24 Bandaraya Kota Kinabalu, pelbagai program telah dianjurkan seperti Upacara Menaikkan Bendera dan Istiadat Perbarisan, Chinese New Year Carnival (Gabungan Persatuan Cina Sabah), yang mencerminkan komitmen tinggi dalam memperkasakan kerjasama dalam kalangan komuniti dan meningkatkan imej bandar raya.

KK Clean Up Day turut dijalankan sebagai usaha berterusan DBKK dalam memastikan kebersihan, keindahan dan kesejahteraan bandar raya sentiasa terjaga. Pelancaran Program "Bah! Tanam Pokok dan Sayangi Pantai Kita" menjadi simbol komitmen DBKK dalam memelihara kelestarian alam sekitar bandar raya.

'*Rigorous monitoring*' juga ditekankan untuk memastikan prestasi organisasi DBKK berada di tahap yang terbaik, semestinya dengan sokongan padu daripada warga bandar raya sendiri.

Akhir kata, tahniah diucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin DBKK atas kejayaan menghasilkan edisi yang pertama untuk tahun 2024. Melalui pengisian kreatif dan maklumat dalam buletin ini, dapat memberikan pembaca kefahaman dan informasi tentang perkembangan semasa yang telah dan sedang dijalankan oleh DBKK.

Sekian, terima kasih dan selamat membaca.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Sabin bin Samitah', written over a white rectangular background.

Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP
Mayor Bandaraya Kota Kinabalu

KENALI MAYOR

Pada 2 Januari 2024, Kota Kinabalu menyaksikan satu perubahan signifikan apabila Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah dilantik sebagai Mayor Bandaraya Kota Kinabalu yang ke-7. Pelantikan ini bukan sahaja menandakan permulaan era baharu dalam pentadbiran bandar raya ini, tetapi juga membawa harapan dan visi yang segar untuk mempertingkatkan kesejahteraan serta pembangunan kota tercinta ini.

LATAR BELAKANG DAN PENDIDIKAN

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah dilahirkan dengan latar belakang keluarga yang menghargai pendidikan dan kecemerlangan. Beliau memulakan perjalanan akademiknya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di mana beliau memperoleh **Sarjana Muda Sains (Kepujian)** (Bachelor of Science with Honours) pada tahun 1983. Untuk mendalami ilmu dalam bidang percukaian, beliau melanjutkan pengajian Advanced Diploma in Malaysian Taxation pada tahun 1990.

Bagi meningkatkan kepimpinan dan pengurusan, Yang Berbahagia Dato' Sri melanjutkan pengajian di Harvard Business School dan memperoleh Certificate in Senior Leadership Program pada tahun 2006. Beliau juga menghadiri **Razak School of Government** dalam kerjasama dengan University of Oxford, di mana beliau mengikuti program pada tahun 2016. Pendidikan doktoralnya di Universiti Utara Malaysia, di mana beliau memperoleh **Doktor Falsafah dalam Pengurusan** (Doctorate in Management) pada tahun 2019, melengkapkan latar belakang akademik beliau dengan mendalam.

SEJARAH KERJAYA

Sejak memulakan kerjayanya, Dato' Sri Dr. Haji Sabin telah memegang pelbagai jawatan penting yang menunjukkan kepimpinannya yang unggul. Beliau dilantik sebagai Director-General, National Anti-Financial Crime Centre pada tahun 2023. Sebelumnya, beliau berkhidmat sebagai Non-Executive Chairman, Malaysian Kuwaiti Investment Company Sdn. Bhd. dari tahun 2022 hingga 2023.

Dari tahun 2016 hingga 2021, Dato' Sri Dr. Haji Sabin memegang jawatan sebagai Chief Executive Officer / Director General, Inland Revenue Board of Malaysia, di samping menjadi **Ahli Lembaga di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**. Beliau juga berkhidmat sebagai Board Member, National Higher Education Fund Corporation dari tahun 2015 hingga 2018.

Beliau turut menyertai Advisory Board Member, National Anti-Financial Crime Center pada tahun 2021 dan memimpin sebagai President, Association of Malaysian Government Statutory Bodies serta President, Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA) dari tahun 2016 hingga 2018.

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

Dato' Sri Dr. Haji Sabin mempunyai pelbagai pencapaian yang membanggakan dalam kerjayanya. Beliau diiktiraf sebagai ahli **Chartered Tax Institute of Malaysia** (Fellow Member of the Chartered Tax Institute of Malaysia) dan memperoleh kelayakan sebagai Certified Tax Investigation Program (CTIP) and Approved Tax Agent under Section 153 (3). Kepakaran dan dedikasinya dalam bidang percukaian dan pencegahan jenayah kewangan telah memberi impak yang besar, menjadikannya seorang tokoh yang dihormati dalam arena ini.

FAKTA MENARIK

Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah dikenali sebagai seorang pakar dalam percukaian dengan pengalaman yang mendalam di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, yang telah membentuk beliau sebagai seorang tokoh penting dalam bidang ini. Pendidikan tinggi beliau, termasuk sijil dari Harvard Business School dan University of Oxford, mencerminkan komitmen beliau terhadap kecemerlangan akademik dan kepimpinan. Selain itu, kepimpinan beliau di persatuan-persatuan antarabangsa seperti Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA) menunjukkan pengiktirafan global terhadap kemampuan beliau. Dedikasi beliau terhadap pendidikan juga jelas melalui penglibatan beliau dalam PTPTN, di mana beliau menunjukkan komitmen yang mendalam terhadap pembangunan bakat muda di Malaysia.

Dengan latar belakang yang kukuh dan pengalaman kerjaya yang luas, Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah adalah seorang pemimpin yang berwawasan dan berwibawa. Pelantikan beliau sebagai Mayor Bandaraya Kota Kinabalu membawa sinar baharu kepada bandar raya ini. Beliau diharapkan akan terus memimpin dengan penuh dedikasi untuk menjadikan Kota Kinabalu sebuah bandar raya yang lebih maju, bersih, dan harmoni.





MAJLIS

PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI LEMBAGA PENASIHAT DBKK

Seramai 14 Ahli Lembaga Penasihat (ALP) Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah menerima watikah pelantikan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah.

Majlis yang berlangsung di Dewan Mesyuarat, Tingkat 1, Bangunan DBKK, itu didahului dengan acara menandatangani Perakuan Bersumpah yang disaksikan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Ia ditandatangani secara serentak oleh kesemua ALP DBKK yang baharu.

Antara penerima watikah pelantikan baharu ialah Yang Berbahagia Datuk Dr. Hj. Sharifah Habsah binti Habib Alawi, Yang Berbahagia Datuk Yong Chiew Lip @ Philip Yong, Dr. Siti Fatmah binti Suahid, Yang Berbahagia Datuk Lo Vun Che @

Jessica, Yang Berbahagia Datuk Hj. Alsat bin Edris @ Arsad Arshad Idris, Encik Ar. James Wong Kein Peng, Encik Li Su Fook, Encik Mohd Zahari bin Mohd Zinin, Encik Lim Vun Chan, Encik Helmi Shahril bin Ag Kassim, Sr. Orson Lo Ming Liong, Ar. Tan Young, Puan Judy Hiew Mui Nyuk dan Ar. Tressie Yap Chui Kie. Tempoh lantikan Ahli-ahli Lembaga Penasihat baharu ini berkuat kuasa bermula 1 Februari 2024 sehingga 31 Januari 2027.

Seusai majlis, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri turut mendengar taklimat khas yang disampaikan oleh Dato' Sri Mayor yang mengupas kerangka konseptual DBKK ke atas Pentadbiran, Pengurusan dan Perancangan Pembangunan Bandaraya Kota Kinabalu dalam tempoh lima tahun.

Tahniah diucapkan kepada barisan Ahli Lembaga Penasihat DBKK yang dilantik.

MESYUARAT

AHLI LEMBAGA PENASIHAT DBKK BILANGAN 1 TAHUN 2024



Mesyuarat Ahli Lembaga Penasihat DBKK Bilangan 1 Tahun 2024 telah diadakan pada 9 Mei 2024, dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

SELAMAT ULANG TAHUN BANDARAYA KOTA KINABALU!

Pada 2 Februari 2024, genaplah 24 tahun Kota Kinabalu mencapai status sebagai sebuah bandar raya. Pelbagai acara telah dianjurkan oleh DBKK bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun ke-24 Bandaraya Kota Kinabalu.



MAJLIS
BACAAN SURAH YASIN, TAHLIL
DAN DOA SELAMAT PADA 1
FEBRUARI 2024 DI DEWAN
MESYUARAT, DBKK



BATTLE OF
CULINARY
WITH ADABI



FINEST
DANCE
BATTLE
VOL.2





UPACARA
MENAIKKAN BENDERA DAN
ISTIADAT PERBARISAN PADA
2 FEBRUARI 2024 DI PADANG
MERDEKA KOTA KINABALU



MAJLIS

SERAH TERIMA TUGAS MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU



5 Januari 2024, telah berlangsung Majlis Serah Terima Tugas Mayor Bandaraya Kota Kinabalu yang telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Noorliza Awang Alip kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu ke-7.

Detik bersejarah ini telah disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Christina Liew Chin Jin, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah; Yang Berhormat Datuk Phoong Jin Zhe, Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah; Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, *JP*, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Yang Berhormat Datuk Abidin Madingkir, *JP*, Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri Merangkap Menteri Bertanggungjawab Kepada DBKK, Yang Berhormat Tuan Tan Lee Fatt, Pembantu Menteri Kewangan Sabah dan Yang Berhormat Tuan Peto Galim, Pembantu Menteri II, Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, di atas pelantikan sebagai Mayor Bandaraya Kota Kinabalu yang ke-7.



UPACARA

MEMPERINGATI MANGSA-MANGSA PERANG PETAGAS

Upacara Memperingati Mangsa-mangsa Perang di Tugu Peringatan Petagas telah berlangsung pada 21 Januari 2024 bagi menghargai pengorbanan, keberanian dan kesetiaan para pahlawan kita ketika berjuang untuk mempertahankan kedaulatan tanah air yang tercinta.

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Timbalan Ketua Menteri I mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor terlebih dahulu menerima tabik hormat. Selepas itu, tiupan 'Last Post' sebagai simbolik bagi memberi penghormatan serta memperingati pejuang yang gugur di medan perang.

Upacara diteruskan dengan bertafakur selama seminit bagi mengenang mangsa-mangsa yang telah terkorban. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan kemudiannya mendahului istiadat meletakkan karangan bunga diikuti lapan belas lagi yang lain, antaranya ialah Encik Robert B. Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) DBKK mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu; Puan Huang Shi Fang, Konsul General Republik Rakyat China Kota Kinabalu dan Tuan Patrick Laing Ngau, wakil Setiausaha Persekutuan Sabah.



▲ Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan mendahului istiadat meletakkan karangan bunga.



ANZAC DAY COMMEMORATION "LEST WE FORGET"

Pada 24 April 2024 di Tugu Peringatan Perang Dunia Pertama, Jalan Tugu telah berlangsung Anzac Day Commemoration "Lest We Forget" bagi mengenang jasa dan pengorbanan pahlawan tanah air yang gugur dalam Perang Dunia Kedua.

Acara telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Timbalan Ketua Menteri I merangkap Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah.

Upacara dimulakan dengan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Timbalan Ketua Menteri I menerima tabik hormat disusuli tiupan 'Last Post' dan bertafakur selama seminit bagi memberi penghormatan kepada mangsa-mangsa yang telah terkorban serta diakhiri dengan tiupan 'Rouse'.

Sebanyak 13 kontinjen beruniform menyertai perbarisan statik yang terdiri daripada:

1. Tentera Darat Malaysia
2. Tentera Laut Diraja Malaysia
3. Tentera Udara Diraja Malaysia
4. Polis Diraja Malaysia
5. Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah
6. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Negeri Sabah
7. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
8. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Negeri Sabah
9. Jabatan Penjara Malaysia, Negeri Sabah
10. Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
11. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
12. Jabatan Imigresen Malaysia
13. Jabatan Penguatkuasaan, DBKK



▲ Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Timbalan Ketua Menteri I mendahului istiadat meletakkan karangan bunga.



▲ Kontinjen beruniform perbarisan statik.

UPACARA MEMPERINGATI TRAGEDI "DOUBLE SIX"

6 Jun 2024, genap 48 tahun berlakunya nahas kapal terbang tragedi "Double Six" di Sembulan. Peristiwa yang pernah menggemparkan seluruh rakyat Sabah khususnya dan Malaysia amnya. Upacara Memperingati Tragedi "Double Six" di Tugu Peringatan Sembulan telah diadakan bagi mengenang peristiwa ini.

Upacara dimulakan dengan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Timbalan Ketua Menteri I merangkap Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah yang mewakili Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah menerima

tabik hormat daripada pasukan kawalan kehormatan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dengan iringan pancaragam PDRM.

Upacara kemudiannya diteruskan dengan bertafakur selama seminit bagi mengenang mangsa-mangsa yang telah terkorban sebelum upacara meletakkan kalungan bunga yang didahului Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan dan disusuli wakil keluarga mangsa Tragedi "Double Six".

Turut memberi penghormatan adalah Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)

mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, ACP Cyril Edward Nuing, Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan/Perundangan) mewakili Pesuruhjaya Polis Kontinjen Sabah dan Encik Adrian De Rozario, Pengurus Besar The Magellan Sutera Resort mewakili Ketua Pegawai Eksekutif GSH Corporation Limited.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi lawatan ke Galeri "Double Six" dan tayangan dokumentari sejarah tragedi "Double Six".



▲ Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Timbalan Ketua Menteri I menerima tabik hormat daripada pasukan kawalan kehormatan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).



▲ Waris Keluarga Allahyarham Datuk Salleh Sulong.



▲ Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan bersama keluarga waris mangsa Tragedi "Double Six".

PERTANDINGAN AKHIR SUGANDOI DAZANAK BANDARAYA KOTA KINABALU



Penyanyi cilik Muhlis Husrev Ozkan berjaya dinobatkan sebagai juara pertandingan akhir Sugandoi Dazanak Kaamatan Bandaraya Kota Kinabalu yang berlangsung pada 11 Mei 2024 di Palm Square, Centre Point Sabah. Muhlis Husrev Ozkan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000, sementara itu, Chloe Elzea sebagai Naib Juara dengan hadiah wang tunai bernilai RM900, manakala Mia Chantal Giwod Kinsuat tempat Ketiga memenangi RM800. Masing-masing mereka membawa pulang sebuah trofi dan sijil.

Muhlis Husrev Ozkan bertanding di peringkat negeri mewakili Bandaraya Kota Kinabalu di pentas akhir Sugandoi Dazanak peringkat negeri yang diadakan di Dewan Hongkod Koisaan KDCA pada 30 dan 31 Mei 2024.

PERTANDINGAN AKHIR SUGANDOI KAAMATAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Khoo Wei Yong @ Charles bersama dua lagi peserta Jessie Janius dan Ain Fariesha muncul juara pertandingan Sugandoi Kaamatan Bandaraya Kota Kinabalu yang berlangsung pada 11 Mei 2024 di The Oval, Ground Floor, Imago Shopping Mall. Kesemua juara berjaya membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM2,000, trofi dan sijil.

Charles mewakili Kota Kinabalu, manakala Jessie mewakili KDCA Bandaraya dan Ain mewakili KDCA Tanjung Aru.

Dalam pada itu, Ain Fariesha berjaya dinobatkan sebagai pemenang Vokal Terbaik dan Jessie Janius memenangi Persembahan Terbaik. Mereka masing-masing menerima hadiah wang tunai bernilai RM500.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Ketua Pengarah, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Sr. Lifred Wong yang mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.



▲ Bersama trofi kemenangan Ain Fariesha, Khoo Wei Yong @ Charles dan Jessie Janius.

LINUNDUS UNDUK NGADAU KAAMATAN BANDARAYA KOTA KINABALU 2024



Yang Berhormat Datuk Abidin Madingkir, JP, Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri Merangkap Menteri Yang Bertanggungjawab Kepada DBKK bersama-sama dif-dif kenamaan dan para peserta Linundus Unduk Ngadau Kaamatan Bandaraya Kota Kinabalu.

Linundus Unduk Ngadau Bandaraya Kota Kinabalu 2024 yang berlangsung pada 17 Mei 2024 di The Oval, Centre Atrium, IMAGO Shopping Mall menyaksikan Nurul Yanadido dinobatkan sebagai Juara Tati Tinandai Togingo. Beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, tiara, piala, sash dan jambangan bunga.

Sementara itu, Naib Juara Tati Tinandai Togingo dimenangi oleh Tati Audreal Diane Chai Qi dan tempat ketiga dimenangi oleh Tati Locebeth Linsing. Masing-masing menerima hadiah wang tunai RM1,500 dan RM1,000 berserta sebuah tiara, piala, sash dan jambangan bunga. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datin Florence I. Malangking.

Turut diadakan penyampaian tiga hadiah sampingan dalam acara tersebut, yang disampaikan oleh Pengerusi PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu, Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi. Antara pemenangnya ialah Tati Nurul Yanadido sebagai Tati Topiodo (Miss Natural Beauty), Tati Jovita Claire Joseph sebagai Tati Tosuau (Miss Friendly) dan Tati Emily Fung Yee Jen sebagai Tati Opining (Anugerah Khas Finalis Berperwatakan Positif dan Berdisiplin). Mereka masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM800, tiara, piala, sash dan jambangan bunga.

Hadir sebagai tetamu kehormat menyempurnakan acara adalah Yang Berhormat Datuk Abidin Madingkir, JP, Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri Merangkap Menteri Yang Bertanggungjawab Kepada DBKK.



▲ Nurul Yanadido dinobatkan sebagai Juara Tati Tinandai Togingo dan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, tiara, piala, sash dan jambangan bunga.



▲ Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu menyampaikan hadiah Tati Tosuau (Miss Friendly) kepada Tati Jovita Claire Joseph.

Perandingan Akhir UNDUK NGADAU KAAMATAN BANDARAYA KOTA KINABALU 2024

18 MEI 2024 | 1.00 PETANG
THE OVAL, GROUND FLOOR, IMAGO SHOPPING MALL



UNDUK NGADAU KAAMATAN BANDARAYA KOTA KINABALU 2024



▲ Tetamu kehormat Yang Berhormat Datuk Abidin Madingkir, JP, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP dan dif-dif kenamaan menyempurnakan gimik Memotong Padi Sambutan Pesta Kaamatan.



Tati Nurul Yanadido telah dimahkotakan sebagai Juara Unduk Ngadau Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu 2024. Beliau membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM12,000 berserta tiara, piala, sash dan jambangan bunga.

Sementara itu, Naib Juara jatuh kepada Jovita Claire Joseph, tempat Ketiga adalah Locebeth Linsing. Mereka masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM8,000 dan RM6,000 serta tiara, piala, sash dan jambangan bunga.

Manakala, Audreal Diane Chai Qi, Shelyanie Stavent, Gillian Gabriel dan Eva Su Yi Enn telah diumumkan sebagai pemenang di tempat ke-4 hingga ke-7. Masing-masing membawa pulang hadiah berupa wang tunai bernilai RM1,500 dan jambangan bunga.

Tiga anugerah khas telah dimenangi oleh Nurul Yanadido (Tati Kaanangan Facebook), Shelyanie Stavent (Tati Kaanangan) dan Gillian Gabriel (Tati Tabaa Moboos). Masing-masing menerima hadiah wang tunai RM800 berserta tiara, piala, sash dan jambangan bunga.



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH DAN YANG AMAT BERBAHAGIA TOH PUAN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJAH NORLIDAH BINTI TAN SRI DATUK R.M. JASNI



▲ Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah binti Tan Sri Datuk R.M Jasni bersama dif-dif kenamaan.

Majlis Berbuka Puasa Bersama Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah binti Tan Sri Datuk R.M. Jasni diadakan pada 27 Mac 2024 bersamaan dengan 16 Ramadan 1445H.



▲ Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin menyampaikan sumbangan kepada 20 pelajar dari Madrasah Al Tahfiz Al Quran Nahdatul Ilmiah.



▲ Penyampaian sumbangan sejadiah kepada lima masjid dan lima surau sekitar Bandaraya Kota Kinabalu oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin.

KUNJUNGAN MESRA MAYOR KE BAZAR RAMADAN

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu telah meluangkan masa berkunjung mesra ke Bazar Ramadan Lintasan Deasoka pada 18 Mac 2024 dan Bazar Ramadan Pasar Tani Asia City pada 04 April 2024. Beliau yang turut diiringi kumpulan Pengurusan Tinggi DBKK telah meluangkan masa beramah mesra dengan para peniaga dan pengunjung, sambil menyampaikan beg eko yang mengandungi risalah kesihatan seperti 5 Panduan Makanan Selamat dan Hapuskan Lipas, Lalat, Tikus kepada 173 penjaja di Bazar Ramadan Lintasan Deasoka dan 93 penjaja di Bazar Ramadan Pasar Tani Asia City. Dalam masa sama, beliau turut meninjau keteraturan bazar sambil melihat kerancangan aktiviti jual beli yang menawarkan pelbagai juadah berbuka puasa.



▲ Kunjungan Mesra Mayor Ke Bazar Ramadan Lintasan Deasoka Pada 18 Mac 2024.

MAJLIS AGIHAN BUBUR LAMBUK BERSAMA ADABI

Pada 5 April 2024, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu telah menyerahkan pek bubur lambuk kepada warga DBKK serta orang awam di pekarangan bangunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

Turut hadir Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah DBKK; Encik Robert B. Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) DBKK dan Encik Muhammad Zahari Muhammad Nasir, Pengurus Besar Adabi Sabah Distribution Sdn. Bhd.



TYT, Toh Puan Serikan Sambutan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri DBKK

Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Yang di-Pertua Negeri Sabah bersama isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah binti Tan Sri Datuk R.M. Jasni menambah lagi seri Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) 1445H/2024M, yang berlangsung pada 4 Mei 2024.

Majlis yang diadakan di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya, Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah mewakili Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah dan Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Norani binti Haji Salleh, barisan Kabinet Negeri serta warga kerja DBKK.

Pentas hiburan Aidilfitri DBKK turut dimeriahkan dengan penampilan artis-artis undangan dan bakat-bakat DBKK seperti Rosario, Asmat Mahali, ChaCha Dan Music, Jacinta Chia, Amin Wali, Iza Azura, Syifa, Brandon, Rasidah Sharin, kumpulan kugiran Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan kumpulan-kumpulan penari daripada Tagaps Dance Theatre, Ala Panggong dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sabah.

Turut diadakan Penyerahan Sumbangan Duit Raya kepada 20 anak-anak asnaf dari Rumah Anak Kesayangan Sabah.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat menjayakan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) 1445H/2024M!

**DBKK HOLDINGS
MENJELANG RAYA**



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H/2024M DBKK Holdings Sdn. Bhd.

Majlis Berbuka Puasa DBKK Holdings Sdn. Bhd. (DBKKH SB) bersama Yang Berbahagia Dato' Sri Mayor dan isteri, Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi telah diadakan pada 28 Mac 2024 bersamaan dengan 17 Ramadan 1445H di KK Garden Seafood, Jalan Tugu. Majlis yang diadakan ini bukan sahaja untuk menyemarakkan semangat Ramadan, tetapi juga untuk mengeratkan ukhuwah antara kumpulan pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah DBKKH SB.

Kemeriahan Syawal kemudian disambut dengan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri 1445H/2024M DBKK Holdings Sdn. Bhd. yang diraikan bersama semua

kakitangan DBKKH SB tanpa mengira agama, bangsa dan budaya. Majlis turut dimeriahkan dengan pemberian sumbangan kepada golongan ibu tunggal B40 dalam kalangan kakitangan DBKKH SB, yang telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Mayor, sebagai tanda keprihatinan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan.



KUNJUNGAN RASMI MAYOR



KUNJUNGAN RASMI AHLI-AHLI YANG BERHORMAT KE DBKK



- 1 25 Januari 2024** Kunjungan hormat YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, *JP* dan kumpulan Pengurusan Tinggi DBKK kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah binti Tan Sri Datuk RM Jasni. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, isteri kepada Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.
- 2 25 Januari 2024** Kunjungan hormat Mayor Bandaraya Kota Kinabalu kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffery G. Kitingan, Timbalan Ketua Menteri I, Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah.
- 3 17 Januari 2024** Kunjungan hormat Mayor Bandaraya Kota Kinabalu kepada Yang Berhormat Datuk Ir. Shahelmy Yahya, Timbalan Ketua Menteri III, Menteri Kerja Raya Sabah.
- 4 18 Januari 2024** Kunjungan hormat Mayor Bandaraya Kota Kinabalu kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun, Menteri Kewangan Negeri Sabah.
- 5 23 Februari 2024** Kunjungan hormat Mayor Bandaraya Kota Kinabalu kepada Tuan Mansor bin Mohamad, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara (JLN)
- 6 16 Mei 2024** Kunjungan hormat Mayor Bandaraya Kota Kinabalu kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, Timbalan Ketua Menteri II, Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah.
- 7 12 Januari 2024** Kunjungan rasmi Yang Berhormat Tuan Phoong Jin Zhe, Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan (ADUN) N.21 Luyang.
- 8 15 Januari 2024** Kunjungan rasmi Yang Berhormat Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia merangkap Ahli Parlimen P.171 Sepanggar.
- 9 19 Januari 2024** Kunjungan rasmi Yang Berhormat Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi merangkap Ahli Parlimen P.172 Kota Kinabalu.



KUNJUNGAN RASMI KONSUL-KONSUL KEHORMAT / WAKIL-WAKIL KEHORMAT KERAJAAN ASING KE DBKK



KUNJUNGAN RASMI DELEGASI ANTARABANGSA KE DBKK



- 10 30 Januari 2024** Kunjungan rasmi Yang Berhormat Tuan Azhar Datuk Haji Matussin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.17 Darau.
- 11 8 Mac 2024** Kunjungan rasmi Yang Berhormat Tuan Peto Galim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.18 Inanam.
- 12 8 Mac 2024** Kunjungan rasmi Yang Berhormat Puan Jannie Lasimbang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.25 Kapayan.
- 13 3 April 2024** Kunjungan rasmi Yang Berhormat Datuk Andi Muhammad Suryady Andy, Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Negeri Sabah.
- 14 16 April 2024** Kunjungan rasmi Yang Berhormat Datuk Haji Yakubah Khan, Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah (ADUN) N.16 Karambunai.
- 15 18 Januari 2024** Kunjungan rasmi Yang Berbahagia Dr. Huang Shifang, Consulate General of The People's Republic of China in Kota Kinabalu.
- 16 22 Januari 2024** Kunjungan hormat Yang Berbahagia Encik Yamashita Yoshito, Head of Consulate Office of Japan for Sabah, Sarawak and F.T Labuan.
- 17 29 Januari 2024** Kunjungan hormat Bapak Rafail Walangitan, Konsul Jenderal Republik Indonesia.
- 18 6 Februari 2024** Kunjungan rasmi His Excellency Irfan Davudov, Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary of the Republic of Azerbaijan to Malaysia kepada Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.
- 19 21 Mac 2024** Kunjungan rasmi Embassy of Finland (Kuala Lumpur) diketuai oleh Ms. Anni Stahle, Deputy Head of Mission kepada Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.
- 20 8 April 2024** Kunjungan rasmi Delegation Of The People's Government Of Zhuzhou City, Hunan Province, China kepada Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Delegasi telah diketuai oleh Yang Berbahagia Encik Tang Wenfa, Deputy Mayor of The People's Government of Zuzhou Municipality.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU



21 11 Jun 2024

Kunjungan rasmi Delegation of the People's Government of Changsha City, Hunan Province, China diketuai oleh Encik Lu Xingying kepada Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

22 13 Jun 2024

Kunjungan rasmi His Excellency Edgard D. Kagan, Ambassador of The United States to Malaysia, kepada Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

23 9 Januari 2024

Kunjungan hormat The Federation of Chinese Associations Sabah (FCAS) diketuai oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima (Dr.) T. C. Goh, *JP*.

24 9 Januari 2024

Kunjungan hormat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Sabah diketuai oleh Encik Md. Fahmi bin Md. Said, Pengarah Operasi Siasatan Negeri Sabah.

25 11 Januari 2024

Kunjungan hormat Breeze Magazine diketuai oleh Encik Iskandar Ali.

26 11 Januari 2024

Kunjungan hormat Jesselton Waterfront Holdings diketuai oleh Tan Sri Datuk David Chu, Pengerusi Eksekutif.

27 15 Januari 2024

Kunjungan hormat Encik Azrul Hisham bin Shamsuddin, Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Sabah.

28 16 Januari 2024

Kunjungan hormat Kadazan Dusun Chamber of Commerce and Industry, Malaysia (KDCCI) diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Ladislaus Maluda.

29 18 Januari 2024

Kunjungan hormat dan Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Pengerusi PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu kepada Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi.

30 23 Januari 2024

Kunjungan hormat dan lawatan rasmi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd. Fauzi bin Mohd. Yatim, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Subang Jaya.

31 26 Januari 2024

Kunjungan hormat PETRONAS diketuai oleh Puan Siti Ayu Haniza Abdul Wahab, Pengurus Besar PETRONAS Sabah, Sarawak & Labuan.



- 32 26 Januari 2024** Kunjungan hormat Global Nusantara Production Sdn. Bhd. diketuai oleh Encik Ebi Kornelis.
- 33 5 Februari 2024** Kunjungan hormat Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah diketuai oleh Encik Muhammad Amri bin Idris, Pengarah DOSM Sabah.
- 34 5 Februari 2024** Kunjungan hormat Inner Wheel Club of Kota Kinabalu diketuai oleh Yang Mulia Tengku Datin Adlina, Past President Inner Wheel Club of Kota Kinabalu.
- 35 19 Februari 2024** Kunjungan hormat Encik Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia.
- 36 19 Februari 2024** Kunjungan hormat Jabatan Penerangan Negeri Sabah diketuai oleh Puan Jainisiah Mohd. Noor, Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Sabah.
- 37 23 Februari 2024** Kunjungan hormat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu diketuai oleh Puan Aminah Awang Basar, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Kunjungan hormat telah dipengerusikan oleh Puan Junainah Abbie, Ketua Pengarah DBKK mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.
- 38 14 Mac 2024** Kunjungan hormat Mejar Jeneral Datuk Malek Razak bin Sulaiman, Markas Divisyen Kelima Infantri.
- 39 14 Mac 2024** Kunjungan hormat Jabatan Perkhidmatan Pembedungan Sabah (JPPS) diketuai oleh Ts. Jennieve Peter, Pengarah JPPS.
- 40 15 Mac 2024** Kunjungan hormat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) diketuai oleh Encik Ag. Azmee bin Ag. Kati, Pengerusi MBJ.
- 41 15 Mac 2024** Kunjungan hormat Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (SHAREDA) diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Sr. Chua Soon Ping, Presiden SHAREDA.
- 42 15 Mac 2024** Kunjungan hormat Majlis Jaksa-jaksa Pendamai Sabah (MAJAPS) diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Panglima Clarence B. Malakun, JP, Presiden MAJAPS.
- 43 22 Mac 2024** Kunjungan hormat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad diketuai oleh Dr. Zhamrie Gulamrasul, Pengerusi Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad.



44 26 Mac 2024

Kunjungan hormat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) diketuai oleh Ir. Ts. Mohd. Yaakob Hj. Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif.

45 27 Mac 2024

Kunjungan hormat Kdr. Abdul Rahim bin Baba, Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Kota Kinabalu.

46 3 April 2024

Kunjungan hormat Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) diketuai oleh Encik Haizar Razif Hisyam bin Ajaz Nabijan, Pengurus Besar Kumpulan SEDCO.

47 16 April 2024

Kunjungan hormat Syarikat Kapasi Sdn. Bhd. Imago diketuai Dr. Raymond Yu Tat Loong, Pengarah Eksekutif Kapasi Sdn. Bhd. Imago.

48 17 April 2024

Kunjungan hormat Jawatankuasa Induk Sambutan Pesta Kaamatan KDCA Inanam dan Karambunai diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Joseph P. Lantip, Penasihat KDCA Inanam.

49 18 April 2024

Kunjungan hormat Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah diketuai oleh Encik Rohiman bin Rahim, Pengarah SPR.

50 30 April 2024

Kunjungan hormat Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar, Komander Rejimen 507 Askar Wataniah.

51 6 Mei 2024

Kunjungan hormat Hyatt Regency Kinabalu diketuai oleh Mr. Thor Gervasi, Pengurus Besar Hyatt Regency Kinabalu.

52 6 Mei 2024

Kunjungan hormat Yang Berbahagia Datuk Hajah Nurlaila Haji Said, Pengarah Wilayah Sabah dan Sarawak, Lembaga Tabung Haji.

53 7 Mei 2024

Kunjungan hormat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah diketuai oleh Dr. Senthilvel KSS Nathan, Penolong Pengarah Kanan Wilayah, Wilayah Kota Kinabalu.

54 20 Mei 2024

Kunjungan hormat Jabatan Audit Negara, Negeri Sabah diketuai oleh Dr. Mona binti Othman, Pengarah Audit Negeri.

55 21 Mei 2024

Kunjungan hormat Sekretariat Sabah Maju Jaya (SSMJ) diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Datu Rosmadi Datu Sulai, Ketua Pegawai Penyelaras.



LAWATAN KERJA MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU



56 23 Mei 2024

Kunjungan hormat The Federation of Chinese Associations Sabah (FCAS) diketuai oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima (Dr.) T. C. Goh, *JP*.

57 6 Jun 2024

Kunjungan hormat Lembaga Koko Malaysia diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Dr. Ramlee bin Hj. Kasin, Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia.

58 6 Jun 2024

Kunjungan hormat National Anti Financial Crime Centre (NFC) diketuai oleh Encik Nordin bin Ibrahim, Pengarah Bahagian Operasi Bersepadu.

59 14 Jun 2024

Kunjungan hormat Perbadanan Pinjaman Sabah diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Panglima Dr. Yee Moh Chai, Pengerusi Perbadanan Pinjaman Sabah.

60 18 Jun 2024

Kunjungan hormat Malaysia International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) Sabah diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Lee Swee Heng, Pengerusi / Business Advisor, Multi Best Trading Sdn. Bhd.

61 20 Jun 2024

Kunjungan hormat KPJ Sabah (Specialist Hospital) diketuai oleh Encik Mohamad Faizal Mohamed, Pengerus Besar KPJ Sabah.

62 7 Mei 2024

Lawatan kerja Mayor ke SBH Kibing Solar New Materials (M) Sdn.Bhd.

Selamat Datang

DELEGASI PENTADBIRAN DAERAH

DAN

PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

KE

DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

LAWATAN DAN KUNJUNGAN RASMI



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN RASMI

PENTADBIRAN DAERAH DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI SELANGOR

23 JANUARI 2024: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menerima kunjungan hormat dan lawatan rasmi daripada delegasi Pentadbiran Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor. Ketibaan rombongan yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd. Fauzi bin Mohd. Yatim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) selaku Ketua Delegasi Pentadbiran Daerah Selangor dan PBT Negeri Selangor itu telah disambut oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Turut hadir menyambut ketibaan rombongan ialah Puan Junainah Abbie, Ketua Pengarah DBKK, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah DBKK serta Ketua-ketua Jabatan DBKK.

Kunjungan hormat pada kali ini amat istimewa kepada warga DBKK memandangkan rombongan adalah terdiri daripada peneraju utama kepimpinan pentadbiran bandar dan daerah negeri Selangor. Negeri Selangor merupakan negeri yang paling maju dan makmur di Malaysia dan kejayaan ini sudah tentu hasil daripada kecemerlangan pengurusan yang berkhidmat. Sejurus kunjungan hormat, rombongan telah mengadakan lawatan ke Homestay Desa Cinta Kobuni yang merupakan salah satu daripada 'homestay' atau inap desa di bawah bimbingan DBKK.



LAWATAN DELEGASI DARIPADA

KERAJAAN CHINA CHANGSHA CITY

11 Jun 2024: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi The People's Government Of Changsha City, Hunan Province, China yang diadakan di Marriott Hotel, Kota Kinabalu. YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu bersama kumpulan Pengurusan Tinggi DBKK dengan berbesar hati telah menyambut rombongan tersebut.

Melalui kunjungan hormat ini, DBKK telah menzahirkan komitmen dan matlamat dalam memperkasakan kerjasama dua hala antara Bandaraya Kota Kinabalu dan Bandar Raya Changsha melalui cadangan jalinan Friendship City yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sabah, khasnya dalam inisiatif pembangunan ekonomi, pembangunan bandar raya mampan, pengurusan perubahan iklim, pembangunan industri pelancongan, warisan budaya, perkongsian bidang kepakaran dan tadbir urus. Kedua-dua bandar raya turut berhasrat untuk mengukuhkan kerjasama strategik yang berpotensi memberikan impak yang tinggi dan memberi manfaat kepada kedua-dua bandar raya. Program ini telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri untuk menandatangani Perjanjian Memorandum Bandaraya Persahabatan antara Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dengan Bandaraya Berkembar Changsha, China dan Bandaraya Guilin, China pada 28 Mac 2024.



KUNJUNGAN RASMI MAJLIS BANDARAYA MIRI, JALIN PERSAHABATAN ANTARA DUA BANDAR RAYA

20 Jun 2024: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) amat berbesar hati menerima kunjungan rasmi daripada Yang Berhormat Tuan Adam Yii Siew Sang, Datuk Bandar, Bandaraya Miri bersama ahli-ahli Jawatankuasa Tetap Pembangunan Pelancongan dan Kawalan Bangunan, Majlis Bandaraya Miri.

Ketibaan mereka telah disambut mesra oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu bersama Pengurusan Tertinggi DBKK seraya menerima tabik hormat daripada pasukan Kawalan Kehormatan DBKK dan diikuti dengan persembahan sambut tamu oleh kumpulan tari DBKK. Dua taklimat telah disampaikan sempena kunjungan rasmi ini iaitu taklimat berhubung "Inisiatif Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat (JPKM) DBKK" oleh Puan Fauziahton Ag. Samad, Pengarah JPKM dan "Pengenalan dan Fungsi Jabatan Kawalan Bangunan (JKBn) DBKK" oleh Encik Calvin Liaw, Pengarah JKBn. Menerusi kunjungan rasmi ini, DBKK menyahut baik hasrat Majlis Bandaraya Miri untuk menjalin Bandar Raya Persahabatan dan bersama meneroka potensi kerjasama strategik antara dua bandar raya.

Delegasi Majlis Bandaraya Miri turut disertai oleh Encik Abdul Rahman bin Taupek, Pemangku Setiausaha Bandaraya; Kr. Ernest Goh Khiok Seng, Kr. John Trawe, Kr. Bhagwan Singh, Kr. Rexasol Gilum, Puan Dayang Siti Nurbaya Bt. Awang Kipli dan Puan Zanariah Bt. Hussain.

Seusai sesi kunjungan rasmi tersebut, Yang Berhormat Datuk Bandar Bandaraya Miri telah menzahirkan hasrat untuk melawat Darau Wetland Eco-Tourism, iaitu produk pelancongan DBKK yang berasaskan komuniti dan menjadi pemangkin sumber ekonomi kepada penduduk luar bandar. Menerusi lawatan ini, Yang Berhormat Datuk Bandar, Bandaraya Miri bersama delegasi telah dibawa menaiki bot sepanjang Sungai Darau dan seterusnya dibawa melawat Rumah Budaya bagi menyaksikan demonstrasi memasak kuih penjaram, demonstrasi menjahit hiasan bunga tikar dan demonstrasi bertitik.



Sempena lawatan ini juga, Yang Berhormat Datuk Bandar Bandaraya Miri bersama delegasi turut berkesempatan untuk menanam anak pokok bakau sebagai tanda sokongan kepada usaha DBKK dalam memulihara hutan paya bakau di sepanjang Sungai Darau. Terdahulu, pada 11 Mei 2024, DBKK telah merasmikan Program LA21: Penanaman 2,000 Pokok Bakau Di Sepanjang Sungai Darau yang merupakan satu Pelan Tindakan Dunia bagi Pembangunan Mampan (Global Action Plan for Sustainable Development) ke arah abad ke-21 di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sebanyak 2,000 pokok bakau berjaya ditanam menerusi program ini.

Terima kasih Majlis Bandaraya Miri! "Iboh lupak mbak balit kuih penjaram. Panjang umo kita jumpa gik".



▲ 26 Mac 2024: Lawatan Kerja Jabatan Penilaian, Majlis Daerah Penampang.



▲ 18 April 2024: Lawatan Sambil Belajar Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia (USM).



▲ 29 April 2024: Lawatan Kerja Pusat Pengurusan NR dan Fasiliti Perumahan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke DBKK.



▲ 17 Mei 2024: Lawatan Kerja Perbadanan Labuan.



▲ 27 Mei 2024: Lawatan Kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).



▲ 26 Jun 2024: Lawatan Akademik Program Pengurusan Hartanah, Jabatan Pengajian Alam Bina dan Teknologi Kolej Pengajian Alam Bina, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar.

PROGRAM LA21: **PENANAMAN 2,000 POKOK BAKAU DI SEPANJANG SUNGAI DARAU**



Sebanyak 2,000 pokok bakau berjaya ditanam di sepanjang Sungai Darau dalam satu Program Local Agenda 21 (LA21) pada 11 Mei 2024.

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menganjurkan Program Penanaman 2,000 Pokok Bakau di Sepanjang Sungai Darau yang diadakan di Pusat Pelancongan Darau Wetland Eco-Tourism dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Koperasi Komuniti Darau Wetland Berhad, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan JETAMA Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dalam ucapan perasmianya berkata, program ini adalah salah satu usaha DBKK dalam menyokong objektif Program LA21 yang merupakan inisiatif terhasil daripada Persidangan Earth Summit 1992, melibatkan 178 negara di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Program ini merupakan satu Pelan Tindakan Dunia bagi Pembangunan Mampan (Global Action Plan for Sustainable Development) ke arah abad ke-21 di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang berperanan sebagai kementerian bertanggungjawab.

Katanya, selaras dengan fokus skop KPKT kepada alam sekitar tahun ini, Program Penanaman Pokok seumpama ini diadakan bagi menyokong Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 juta Pokok di bawah RMK Ke-12, dengan tema "PENGHIJAUAN MALAYSIA: POKOK KITA, KEHIDUPAN KITA" yang berbaki lebih kurang 23 juta pokok menjelang 2025.

DBKK telah memilih Sungai Darau sebagai kawasan yang sesuai bagi penanaman pokok bakau kerana kawasan tersebut merupakan satu-satunya kawasan paya bakau yang masih ada dalam pusat bandar, dengan jarak tujuh kilometer dari Jeti Gunasama Pelancongan Darau Wetland Eco-Tourism ke pusat bandar.

Lebih daripada 400 peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah, pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan komuniti Darau telah menjayakan program dengan aktiviti penanaman pokok dan semaian biji pokok di sepanjang Sungai Darau, antaranya Universiti Malaysia Sabah (Pengurusan Pelancongan dan Fakulti Tropika Perhutanan), AMC College, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pusat Pendidikan Islam An-Nur, komuniti Homestay Desa Cinta Kobuni, Homestay Id Kalangadan, Homestay Id Pogimpaan dan Eko Pelancongan Kg. Bongkud.





Dalam pada itu, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu turut menzahirkan harapan agar program ini menjadi titik permulaan untuk melipatgandakan usaha bersepadu ke arah pemulihan hutan bakau di kawasan Kota Kinabalu, Bandaraya Peranginan Semulajadi.

Beliau berharap program ini akan membuka ruang kepada lebih banyak penyertaan dan sokongan daripada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan komuniti setempat agar lebih peka terhadap kepentingan penglibatan bersama dalam usaha memulihara alam sekitar.



Turut hadir, Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu, Tuan Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), DBKK merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Program, Encik Awang Ahmad Zaki bin Abu Bakar, Pengurus Besar Bahagian Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus, JETAMA Sdn. Bhd., Ahli-ahli Lembaga Penasihat DBKK, Encik Mohd. Farish bin Mohd. Fikri, Pengerusi Koperasi Komuniti Darau Berhad, Encik Sudin bin Haji Usuf, Penyelaras Homestay Darau Wetland Eco-Tourism, Ketua-ketua Jabatan DBKK dan peserta-peserta program.

Syabas dan tahniah diucapkan khususnya kepada semua ahli Jawatankuasa Pelaksana Program yang dikelola oleh Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat (JPKM) DBKK, komuniti Kampung Darau dan semua peserta yang hadir menjayakan program ini!

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM “BAH! TANAM POKOK” DAN SAYANGI PANTAI KITA



Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah mengadakan Majlis Pelancaran Program “Bah! Tanam Pokok” dan Sayangi Pantai Kita di Taman Awam Teluk Likas 1 pada 24 Februari 2024 lalu.

Program yang melibatkan aktiviti penanaman pokok dan pembersihan pantai ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran umum dan kecintaan terhadap kepentingan pantai di Bandaraya Kota Kinabalu, meningkatkan kualiti alam sekitar dan nilai estetika sebagai daya tarikan pelancongan, menyokong program penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Menjelang 2025 dan menyokong usaha Sustainable Development Goals iaitu Sustainable Cities and Communities.

Hadir merasmikan program tersebut ialah Puan Junainah Abbie, Ketua Pengarah, DBKK yang mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.





HARI TERBUKA DAN MAJLIS PELANCARAN HOMESTAY ID POGIMPAAN, KG. BINAUNG BARU, MANGGATAL

Satu lagi inap desa atau 'homestay' bimbingan DBKK telah berjaya dirasmikan pada 17 Februari 2024 lalu, iaitu Homestay Id Pogimpaan, Kg. Binaung Baru, Manggatal. Ini menandakan sebanyak empat (4) inap desa telah berjaya dibimbing oleh DBKK sejak penubuhan dan perasmian inap desa pertama di Bandaraya Kota Kinabalu yang berdaftar di bawah MOTAC iaitu Desa Cinta Kobuni, diikuti dengan Homestay Id Kalangadan pada tahun 2020 dan Homestay Darau Wetland pada tahun 2022.

Majlis ini telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Puan Julia Galaman, Ketua Kampung Binaung Baru merangkap Pengerusi Homestay Id Pogimpaan dan dilanjutkan dengan ucapan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Hadir merasmikan majlis ini, Yang Berhormat Datuk Abidin Madingkir, JP, Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri merangkap Menteri Bertanggungjawab Kepada DBKK.

Turut hadir menyokong majlis ini ialah Yang Berhormat Tuan Peto Galim, Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan merangkap ADUN N18 Inanam, Puan Mary Malangking, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) Sabah, Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu, Puan Rosnah Datu Tumai, Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) DBKK, Puan Fauziahton Ag. Samad, Pengarah Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat (JPKM) DBKK merangkap Pengerusi Pelaksana Program, Ketua-ketua Pemimpin Masyarakat, Encik Muhammad Fadhil Abu Bakar, Pengurus NIOSH Wilayah Sabah, Encik Kohadie Watiman, Timbalan Presiden Homestay Sabah, wakil-wakil daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Badan-badan Bukan Kerajaan, penyelaras-penyelaras inap desa bimbingan DBKK dan Ketua-ketua Jabatan DBKK.



PROGRAM SOSIAL KORPORAT **PELESENAN BERSAMA KUMPULAN USAHAWAN**

Ke arah memperkasa status sosioekonomi warga Bandaraya Kota Kinabalu, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Pelesenan akan sentiasa memberi sokongan penuh kepada komuniti usahawan melalui program bimbingan dan taklimat prosedur permohonan lesen berniaga.

Beberapa siri taklimat telah disampaikan oleh Jabatan Pelesenan dalam acara-acara keusahawanan pada tahun ini antaranya Program Usahawan Bakal Pesara Badan Beruniform PERHEBAT, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TubeX) Tahun 2024 bagi Zon Sabah, Program Bengkel Pembangunan Agropreneur Lada 2024 bagi Zon Sabah, Program Sulam Kasih Niaga, Program 'Creating Millionaires Among Young Women Entrepreneurs' dan Program Bimbingan Kerjaya JPSM Papar yang melibatkan lebih kurang 400 usahawan kesemuanya. Hadir menyampaikan taklimat mewakili DBKK ialah Encik Muhammad Uthman bin Sarimal dari Jabatan Pelesenan.



RERUAI **KHIDMAT PENGURUSAN LESEN BERNIAGA DAN LESEN DBKK**

Jabatan Pelesenan, DBKK telah menyertai Program Sulam Kasih Niaga anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertempat di Pekan Manggatal pada 23 Jun 2024 lalu. Reruai khidmat pengurusan lesen berniaga dan lesen DBKK telah dibuka untuk dikunjungi oleh orang ramai terutama kumpulan peniaga di kawasan Pekan Manggatal. Dengan adanya program seperti ini, ia memudahkan masyarakat awam untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung lesen yang ditawarkan oleh DBKK di samping memberi kemudahan kepada mereka untuk membeli borang mengikut jenis lesen yang dimohon.



KEBERSIHAN PASAR **TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

Jabatan Pelesenan, DBKK menjalin kerjasama dengan penjaja pasar dalam menjaga kebersihan di kawasan pasar dan lot-lot gerai. Gotong-royong telah diadakan di Pasar Besar dan Pasar Ikan Kota Kinabalu, Pasar Inanam, dan Pasar Manggatal. Gotong-royong berkala ini telah dijalankan pada bulan Mei dan Jun tahun 2024.



KK BERSIH DAN SIHAT

PROGRAM FREE RIDE TOUR LET'S KEEP OUR CITY CLEAN (LOVE KK CITY BIKE) 2024 BERSAMA MSU

Pada 02 Mac 2024, telah berlangsung Program Free Ride Tour - Let's Keep Our City Clean (Love KK City Bike) 2024 Bersama Management Science University (MSU) yang bertempat di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), pada pukul 3.30 petang. Acara berbasikal ini merupakan anjuran DBKK dengan kerjasama pihak MSU.

Program ini merupakan aktiviti berbasikal bersama komuniti Bandaraya Kota Kinabalu di mana DBKK bersama komuniti iaitu MSU berbasikal mengelilingi Bandaraya Kota Kinabalu dan berhenti di beberapa lokasi yang ditetapkan untuk bergotong-royong membersihkan kawasan yang mempunyai sampah.

Tujuan program ini diadakan adalah sebagai kempen berterusan penjagaan alam sekitar melalui amalan gaya hidup sihat dengan berbasikal sambil memelihara kebersihan persekitaran dengan mengutip sampah di sepanjang laluan berbasikal. Antara laluan yang terlibat ialah DBKK - Lorong Sentosa - Segama Waterfront - Pillars of Sabah - Sabah Tourism Board - DBKK.

Seramai 38 orang telah menyertai program ini yang terdiri daripada para pelajar MSU dan kakitangan DBKK daripada Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya (JKPB), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (JPSP), Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pengaduan dan Perhubungan Awam (JPPA) dan Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat (JPKM).



DBKK, UCSF BERGANDING BAHU JAYAKAN PROGRAM “LOVE KK CITY BIKE, FREE RIDES TOUR - LET'S CYCLE AND KEEP OUR CITY CLEAN”

Seramai 33 peserta telah menjayakan acara “Love KK City Bike, Free Rides Tour - Let's Cycle and Keep Our City Clean” yang merupakan program kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bersama University College Sabah Foundation (UCSF), yang diadakan pada 25 Mei 2024 (Sabtu).

Peserta terdiri daripada 13 mahasiswa UCSF dan 20 warga DBKK daripada Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat (JPKM) selaku jabatan pelaksana program, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (JPSP), Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pengangkutan dan Trafik (JPT) dan Jabatan Pengaduan dan Perhubungan Awam (JPPA).

Objektif utama program adalah untuk melaksanakan kempen penjagaan alam sekitar melalui amalan gaya hidup sihat dengan berbasikal sambil memelihara kebersihan persekitaran, di mana peserta telah berbasikal ke lokasi-lokasi di sekitar pusat bandar dan mengutip sampah yang dijumpai.

Acara yang bermula pada pukul 3.30 petang itu bertolak dari DBKK, sebelum berbasikal ke Lorong Sentosa, Segama Waterfront, Pillars of Sabah, Sabah Tourism Board dan kembali semula ke DBKK.

Program ini merupakan penganjuran kali kedua untuk tahun ini. Terdahulu, pada 02 Mac 2024, DBKK telah menganjurkan program seumpama dengan kerjasama Management Science University (MSU), sebagai universiti undangan.

Semoga usaha untuk menjaga kebersihan dan kelestarian bandar raya Kota Kinabalu diteruskan di masa akan datang!



MAJLIS PENGIKTIRAFAN

MAKMAL KESIHATAN AWAM KOTA KINABALU DAN PEJABAT SEDAFIAT SDN. BHD. SEBAGAI PEJABAT BERSIH DAN HIJAU

Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu dan Pejabat Sedafiat Sdn. Bhd. telah diiktiraf sebagai Pejabat Bersih dan Hijau pada 26 Januari 2024 di Pejabat Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu menyampaikan sijil pengiktirafan kepada kedua-dua agensi yang terlibat iaitu kepada Dr. Anisah Jantim, Pengarah Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu dan Encik Jerry bin Soibik, Pengurus Sedafiat Sdn. Bhd.

Majlis ini juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran Tuan Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Tuan Leong Tze Fui, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal serta para kakitangan Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu, Sedafiat Sdn. Bhd. dan DBKK.



▲ Dr. Anisah Jantim, Pengarah Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu menerima sijil pengiktirafan Pejabat Bersih dan Hijau daripada Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.



▲ Encik Jerry bin Soibik, Pengurus Sedafiat Sdn. Bhd. menerima sijil pengiktirafan sebagai Pejabat Bersih dan Hijau daripada Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

PELANCARAN

“KK CLEANUP DAY 1.0: JALAN JATI DAN MY CITY, MY RESPONSIBILITY 1.0” SERTA CABARAN “KAMPUNGKU BERSIH”

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menganjurkan Program “KK Cleanup Day 1.0: Jalan Jati, My City, My Responsibility 1.0” dan Cabaran “Kampungku Bersih” yang telah dilancarkan pada 03 Februari 2024 bermula pada pukul 7.00 pagi sehingga pukul 11.00 pagi bertempat di Jalan Jati.

Program ini telah dilancarkan oleh Puan Junainah Abbie, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu yang mewakili Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Acara ini dimeriahkan dengan kehadiran Tuan Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Tuan Abdul Manaf Rajikan, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan) serta Tuan Leong Tze Fui, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal.

Program ini telah disertai oleh 1,000 orang yang terdiri daripada penduduk dan pengusaha dalam kawasan Bandaraya Kota Kinabalu. Agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta institusi pengajian tinggi tempatan juga turut menjayakan program ini.

Usaha ini adalah bagi memberi kesedaran sosial di dalam kalangan penduduk dan pengusaha di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu untuk memberi semangat yang padu agar menjaga kebersihan persekitaran Bandaraya Kota Kinabalu bagi menjadikan sebuah bandar yang **BERSIH DAN HIJAU**.



▲ Puan Junainah Abbie, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.



▲ Dari kiri ke kanan: Tuan Leong Tze Fui, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, Tuan Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Puan Junainah Abbie, Ketua Pengarah DBKK, Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu dan individu-individu yang turut serta dalam menjayakan matlamat program KK Cleanup.

MAJLIS PENUTUPAN KEMPEN KESEDARAN “MY CITY, MY RESPONSIBILITY 1.0” TAHUN 2024

Majlis Penutupan Kempen Kesedaran “My City, My Responsibility 1.0” Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah diadakan bertempat di Palm Square, Centre Point Sabah pada 10 Mac 2024. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tuan Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) DBKK yang mewakili Yang Berbahagia Dato’ Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Objektif kempen ini adalah bagi mendidik masyarakat bandar raya agar lebih bertanggungjawab untuk menjadikan **Bandar Raya Bersih, Hijau dan Berdaya Huni**, selain meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Selain daripada itu, pelbagai aktiviti menarik seperti Pertandingan Kitar Semula Isi Rumah, Pertandingan TikTok dengan ‘Slogan MCMR’, Pertandingan ‘Treasure Hunt’, Pertandingan Mewarna dan Melukis Poster, Pertandingan Teka Jumlah dan Berat Puntung Rokok, Pertandingan Upcycling Pakaian Terpakai, Kuiz Alam Sekitar, Pameran Kesihatan dan Alam Sekitar serta Kids Fashion Show.

Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) juga terlibat secara tidak langsung dalam menjayakan Kempen Kesedaran “My City, My Responsibility 1.0” dengan mengadakan pameran kesihatan seperti demonstrasi cara-cara bantuan awal semasa kecemasan.



▲ (Dari kiri) Encik Oliver Lim Kok Fueh, Leasing Executive Bahagian Pengurusan Centre Point Sabah, Tuan Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Tuan Leong Tze Fui, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal juga turut hadir untuk menjayakan majlis.



▲ Para peserta Pertandingan Mewarna dan Melukis Poster.



▲ Beg kain ini adalah hasil Upcycling Pakaian Terpakai.



▲ Persatuan Bulan Sabit Merah mengadakan demonstrasi cara-cara bantuan awal semasa kecemasan.



▲ Tahnikah diucapkan kepada para pemenang Pertandingan Kids Fashion Show.

KK CLEANUP DAY 2.0: PULAU GAYA DAN PULAU SEPANGGAR

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) yang diketuai oleh Pengarah, Tuan Leong Tze Fui telah menganjurkan program ‘KK Cleanup Day 2.0: Pulau Gaya Dan Pulau Sepanggar’ yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula 06 hingga 08 Mei 2024.

Pada hari pertama program, sebanyak 32 tan sampah telah berjaya dilupuskan, diikuti dengan 24 tan sampah pada hari kedua dan 41 tan sampah pada hari ketiga. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sampah yang telah dilupuskan sebanyak 97 tan dalam tempoh tiga (3) hari, iaitu satu jumlah yang melebihi jangkaan dan sasaran yang ditetapkan oleh DBKK.

Matlamat program “KK Cleanup Day 2.0: Pulau Gaya dan Pulau Sepanggar” ini diadakan adalah bagi mewujudkan kesedaran sosial di kalangan penduduk dan pengusaha agar mereka mengambil tanggungjawab yang lebih serius dalam menjaga kebersihan persekitaran Bandaraya Kota Kinabalu.

Antara kampung yang terlibat semasa program “KK Cleanup Day 2.0: Pulau Gaya dan Pulau Sepanggar” ini ialah Kampung Lok Urai, Kampung Kasuapan, Kampung Lobong, Kampung Pulau Gaya Asli dan Kampung Torong Logong di Pulau Gaya serta Kampung Pulau Sepanggar di Pulau Sepanggar.



▲ Salah seorang penduduk kampung sedang memunggah sampah sarap dari Pulau Gaya ke jeti.



▲ Anggota-anggota Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal juga bekerjasama dalam menjayakan program ini.



KARNIVAL KOMUNITI @ KK SEMPENA **SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR**

Karnival Komuniti @ KK sempena Sambutan Hari Alam Sekitar anjuran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah diadakan bertempat di Plaza SEDCO, Taman Awam Teluk Likas, pada 08 Jun 2024 bersamaan hari Sabtu dan Karnival ini bermula seawal jam 7.00 pagi.

Karnival ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Tuan Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) DBKK, Encik Mohamad Faizal Mohamed, Pengurus Besar KPJ Sabah, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu, Encik Haizar Razif Hisyam bin Ajaz Nabijan, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dan seterusnya Tuan Leong Tze Fui, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Program. Selain itu, sambutan warga bandar raya seramai 350 orang juga menambah lagi kemeriahan Karnival Komuniti @ KK.

Matlamat Karnival Komuniti @ KK ini dianjurkan adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran orang awam tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar serta mendidik masyarakat untuk sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan dan menjadikan Bandaraya Kota Kinabalu sebuah bandar raya bersih, hijau dan berdaya huni. Oleh itu, untuk mencapai matlamat Karnival Komuniti @ KK ini, pelbagai aktiviti yang menarik telah dianjurkan seperti Wellness Fun Walk di mana peserta berjalan sejauh tiga (3) kilometer sambil membawa mesej menjaga alam sekitar dan berjalan sambil mengutip sampah, Pertandingan Mewarna dan Melukis Poster, Pertandingan Kids Fashion Show, Pertandingan Kitar Semula Isi Rumah dan Pertandingan Reka Cipta. Selain itu, orang ramai juga dijemput untuk berkunjung ke 'Free Market'.



KEMPEN PENGURANGAN BEG PLASTIK “BAWA BEG BAH” DI PASAR BANGUNAN

Kempen pengurangan beg plastik pada tahun ini telah dikembangkan lagi di setiap pasar bangunan kawasan Kota Kinabalu. Melalui strategi ini, di setiap pasar bangunan tidak lagi dibenarkan untuk mengeluarkan beg plastik kepada orang awam apabila membeli barangan di premis mereka. Taklimat Kempen Pengurangan Penggunaan Beg Plastik “Bawa Beg Bah” telah dilaksanakan pada 23 Mei 2024 di Dewan Manggatal. Turut hadir dalam kempen ini, Tuan Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) DBKK, Tuan Leong Tze Fui, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Wakil Green Buddy.



▲ Sesi soal jawab bersama Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal.



▲ Green Buddy memperkenalkan barangan kitar semula (*biodegradable*) kepada peniaga-peniaga pasar.

OPERASI PEMBERSIHAN PARIT KOMERSIL DAN PARIT PERUMAHAN



Unit Pembersihan Parit, Jabatan Landskap DBKK telah menjalankan operasi pembersihan parit komersil dan parit perumahan yang tertumpu di kawasan komersil Kolombong dan perumahan Taman Khidmat. Tindakan pembersihan di kawasan tersebut dibuat ekoran beberapa aduan yang diterima membabitkan parit dipenuhi tumbuhan liar, sisa tanaman dan mendapan lumpur yang menyebabkan aliran parit terganggu.

Pembersihan parit kawasan komersil dilaksanakan pada hujung minggu bagi keselesaan pengusaha dan pelanggan premis/kedai serta mengelakkan gangguan trafik. DBKK bertanggungjawab ke atas pembersihan parit perumahan, parit belakang dengan jadual dua (2) kali setahun, manakala parit hadapan adalah di bawah kendalian syarikat konsesi, Pembinaan Kekal Mewah (PKM).

Penduduk di taman perumahan dinasihatkan agar tidak menanam tumbuhan atau pokok-pokok yang besar, tidak membina struktur tambahan melebihi kawasan dibenarkan dan tidak menutup laluan belakang yang boleh menyebabkan kesukaran kerja-kerja pembersihan parit dijalankan oleh DBKK.

PELAKSANAAN SISTEM PELUPUSAN SAMPAH SENDIRI (SPSS)

SPSS merupakan Sistem Pelupusan Sampah Sendiri yang mana penduduk dan pemilik premis akan melupuskan sampah dengan sendiri terus ke lori pengutipan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Dengan itu, tiada lagi penggunaan *bin centre*. Sisa yang boleh dilupuskan ialah sisa domestik sahaja contohnya sisa makanan dan sampah harian. SPSS ini telah dilancarkan di kawasan Kampung Air pada 16 Disember 2019 dan Anjung Senja pada 01 April 2023. Pada tahun ini, Bandar Berjaya merupakan lokasi ketiga pelaksanaan SPSS yang dimulakan pada 15 Jun 2024 dan akan diperluaskan lagi ke seluruh pusat bandar raya Kota Kinabalu.

Hala tuju SPSS ini dilakukan adalah untuk meningkatkan kerjasama penduduk bandar untuk melupuskan sampah dengan bertanggungjawab. Seterusnya, ia juga dapat meningkatkan tahap kesedaran berhubung pengurusan sampah yang lebih efektif. Selain itu, kita juga dapat mencapai misi Kota Kinabalu sebagai sebuah bandar yang bersih, hijau dan berdaya huni.



PEMBERSIHAN KAWASAN LAPANG DI TAMAN PERUMAHAN

Jabatan Landskap, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah merangka strategi untuk meningkatkan tindakan pemantauan ke atas tahap kebersihan dan keteraturan taman-taman permainan di bawah seliaan DBKK.

Perangkaan strategi ini dibuat bagi memastikan persekitaran taman permainan, termasuk kawasan-kawasan lapang di taman perumahan, sentiasa bersih, teratur, tidak dicemari dengan sampah sarap, selamat serta selesa untuk dimanfaatkan oleh penduduk setempat. Selain itu, kerja-kerja penyelenggaraan parit di sekitar taman permainan dan kawasan lapang juga akan dipastikan bersih dan tidak tersumbat.

Jabatan Landskap, DBKK melalui Unit Debris dan Unit Pembersihan Parit baru-baru ini telah melaksanakan operasi pengutipan sampah dan pembersihan parit di sekitar kawasan taman permainan Taman Harmoni, dan akan menjadualkan kerja-kerja pembersihan di taman-taman permainan lain, secara berperingkat.

Penjadualan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan parit akan ditingkatkan bagi memastikan taman-taman permainan serta kawasan lapang di taman perumahan sentiasa berada dalam keadaan yang bersih dan selesa untuk digunakan oleh warga Bandaraya Kota Kinabalu.



PEMBERSIHAN TAMAN AWAM

Untuk makluman warga bandar raya, kerja-kerja pembersihan taman awam di bawah seliaan DBKK dijadualkan bermula seawal pukul 5.00 pagi pada setiap hari Isnin hingga Jumaat; dan pukul 4.00 pagi pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

Bersama kita menjaga kebersihan persekitaran Bandaraya Kota Kinabalu. Jangan tinggalkan sampah sarap anda di tempat awam.



OPERASI RINTIS

Pasukan Unit Pemotongan Rumput, Jabatan Landskap, DBKK telah menjalankan Operasi Rintis di Taman Antarabangsa, Likas pada 27 dan 28 April 2024 lalu.

Operasi selama dua (2) hari ini melibatkan kerja-kerja merintis dan membersihkan belukar, tumbuhan liar, tumbuhan menjalar, mencantas dahan pokok, memotong rumput, mengemas serta membersihkan tanaman terbiar dan bunga hiasan berpasu yang tidak terurus.

Pembersihan sisa kebun penduduk dan sisa kebun di kawasan lapang turut telah dilaksanakan.

Operasi pembersihan dijalankan ekoran aduan semak belukar di taman berkenaan. Penduduk dinasihatkan untuk sentiasa menjaga dan memastikan kebersihan dan kekemasan persekitaran kawasan perumahan serta menyelenggara tanaman persendirian untuk keselesaan bersama.

Kawasan perumahan yang kemas dan teratur dapat memudahkan tugas DBKK dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan rutin seperti pembersihan parit, pemotongan rumput dan penyelenggaraan pokok.



Kerja-kerja pembersihan Lintasan Deasoka oleh Unit Taman Awam, Jabatan Landskap DBKK pada 05 Mei 2024.



Anggota-anggota Unit Taman Awam, Jabatan Landskap DBKK sedang melakukan kerja-kerja pembersihan di Taman Awam Teluk Likas dan di sepanjang trek 'jogging' serta laluan berbasikal, Teluk Likas.



KUNJUNGAN HORMAT JAWATANKUASA KEBUN KOMUNITI BANDARAYA KOTA KINABALU KE MARDI SABAH

Jawatankuasa Kebun Komuniti Bandaraya Kota Kinabalu telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) Sabah, Puan Helda Souki, pada 21 Jun 2024 lalu. Jawatankuasa Kebun Komuniti Bandaraya Kota Kinabalu merupakan jawatankuasa yang ditubuhkan oleh DBKK pada tahun 2022 bagi mentadbir dan mengaktifkan program kebun bandar atau 'urban farming' di Kota Kinabalu. Ia selaras dengan Dasar Kebun Komuniti Bandar yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Malaysia pada 3 Ogos 2021.

Diketuai Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi) DBKK, Tuan Robert Lipon, kunjungan bertujuan untuk membina sinergi antara MARDI Sabah dan DBKK dalam pelaksanaan program kebun komuniti. Hasil pertemuan kedua pihak, empat komuniti kebun bandar DBKK telah dipilih sebagai peserta MARDI Sabah

untuk Program Intervensi Peningkatan Penerimaan Agroteknologi Bagi Memperkukuh Keterjaminan Makanan di bawah Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan (PKM) 2024, oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang dijangkakan akan bermula pada Ogos 2024. Program yang pertama kali diadakan di Sabah itu akan melibatkan 26 komuniti di seluruh Malaysia.

Jawatankuasa Kebun Komuniti Bandaraya Kota Kinabalu turut diberi maklumat terkait program latihan dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada kakitangan DBKK dan kepada orang awam, seraya melawat kedai MARDI yang menjual buku ilmiah serta produk keluaran MARDI. Hadir bersama adalah Pengarah Jabatan Landskap, Puan Darna Badawi dan pegawai-pegawai Jabatan Landskap, DBKK.

PEMBAJAJAN POKOK KELAPA

Operasi Pembajaan Pokok Kelapa di Tanjung Lipat Teluk Likas telah dilaksanakan oleh Jabatan Landskap, DBKK pada 24 April 2024. Operasi ini melibatkan kerja-kerja pembajaan 150 pokok kelapa di kawasan Sabah International Convention Centre (SICC) hingga Teluk Likas 1 dan kerja-kerja pembajaan 60 pokok kelapa di sekitar kawasan Teluk Likas 1 hingga Teluk Likas 2; menggunakan campuran baja butir NPK 12-12-17-2+TE dan baja organik dengan kekerapan 2-3 bulan sekali. Setiap pokok kelapa dibaja dengan sukatan 2 kilogram (kg) per pokok.

Tujuan pembajaan adalah untuk menyuburkan tanaman pokok kelapa, menguatkan struktur batang pokok, melebatkan dan menguatkan akar. Pembajaan ini juga bertujuan untuk memanjangkan jangka hayat pokok serta mengelakkan serangan perosak.

Teknik dan kaedah pembajaan telah dibimbing oleh Pegawai Pertanian, Puan Hajah Salmah Apsin dan dibantu oleh Penolong Pegawai Pertanian, Encik Affindy Chia daripada Jabatan Landskap, DBKK. DBKK akan meneruskan kerja-kerja 'pruning' pokok kelapa dengan teknik dan kaedah yang betul dengan kekerapan sebulan sekali bagi memastikan pertumbuhan dan keindahan pokok kelapa di sepanjang Tanjung Lipat. Pemeriksaan pokok juga akan dilaksanakan secara berkala.



KAJIAN PENYEMAIAN DAN PENYELENGGARAAN TANAMAN SEMUSIM: **AFRICAN MARIGOLD, CELOSIA CRISTATA DAN CELOSIA PLUMOSA**

Tanaman Semusim merupakan tumbuhan yang hidup dalam jangka hayat yang singkat iaitu kitar hayat yang kurang dari setahun dan mati selepas berbunga. Antara ciri-ciri tanaman semusim adalah pokok rendah, batang tidak berkayu, mudah ditanam dan dibiakkan dengan biji benih. Terdapat pelbagai jenis tanaman semusim dengan pelbagai bentuk dan warna sehingga menarik perhatian sesiapa sahaja yang memandangi. Kebanyakan tanaman ini ditanam untuk dijadikan sebagai hiasan di pentas acara dan majlis. Ia juga ditanam sebagai hiasan landskap terutamanya di bulatan dan pembahagi jalan raya. Selain itu, tanaman semusim juga digunakan dalam industri perubatan dan makanan.

Terdapat dua jenis Tanaman Semusim iaitu "Pokok Berbunga" seperti Celosia, Tagetes, Pelargonium, Cosmos, Petunia, Zinnia dan Torenia; dan "Pokok Berdaun" seperti Solenostemon, Coleus dan Alternanthera.

Bagi tujuan pelaksanaan Kajian Penyemaian dan Penyelenggaraan Tanaman Semusim ini, tanaman yang telah dipilih ialah African Marigold, Celosia Plumosa dan Celosia Cristata. Tujuan kajian ini diadakan adalah untuk membuat pemerhatian dan penilaian terhadap tiga jenis tanaman hiasan semusim (African Marigold, Celosia Cristata dan Celosia Plumosa) bermula dari peringkat awal (penyemaian) hingga peringkat akhir (penghasilan biji benih). Hasil kajian ini akan dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada Jabatan Landskap dalam penanaman tanaman hiasan bermusim tersebut.

Kaedah kajian akan dibuat menerusi tiga fasa iaitu Fasa 1 - Penyemaian, Fasa 2 - Pemindahan dan Fasa 3 - Penjagaan dan Pembajaan.



POKOK TECOMA **BERBUNGA**

Pokok Sakura Malaysia ataupun *Tecoma* yang sedang berbunga menyerikan lagi persekitaran Bandaraya Kota Kinabalu.

Pokok *Tecoma* mula ditanam di Kota Kinabalu pada tahun 1999 di bawah Program Penghijauan Bandar, Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Penanaman terus digiatkan secara besar-besaran oleh DBKK di kawasan jalan utama dan kawasan perumahan pada tahun 2003-2015. Walau bagaimanapun, taburan pokok di jalan-jalan utama telah berkurangan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pelebaran jalan dan pembangunan bandar.

Di Malaysia, terdapat tiga spesis pokok *Tecoma* yang ditanam iaitu *Tabebuia Ochracea* (bunga berwarna kuning), *Tabebuia Pallida* (bunga berwarna merah jambu) dan *Tabebuia Pentaphylla* (bunga berwarna ungu). Di Kota Kinabalu, pokok yang ditanam adalah *Tabebuia Pallida* dan *Tabebuia Pentaphylla*.

Berdasarkan Kajian Fenologi Pokok Berbunga DBKK (2008), pokok ini akan berbunga empat kali setahun iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan Disember. Musim kemarau panjang akan mempengaruhi pembungaan yang lebat seperti yang terjadi pada bulan April ini. Kemarau yang panjang pada Februari dan Mac 2024 telah mencetuskan fenomena pembungaan lebat pokok-pokok Sakura Malaysia @ *Tecoma*.



PEMERIKSAAN POKOK WARISAN ('HERITAGE TREE') BANDARAYA KOTA KINABALU

Sejumlah empat Pokok Hujan-hujan atau 'Raintree' (Nama Botani: Samanea Saman) telah diperiksa pada 6 Mei 2024, di kawasan lapang berhampiran bangunan Wisma MUIS, Jalan Tunku Abdul Rahman. Pokok Hujan-hujan di kawasan lapang Wisma MUIS tersebut dianggarkan berumur lebih 100 tahun dan merupakan antara pokok bernilai warisan yang paling dominan di Bandaraya Kota Kinabalu.

Pemilihan pokok bernilai warisan ini dijalankan oleh Arboris Terlatih (ISA Certified Arborist) melalui Projek Pemuliharaan Pokok Matang Bernilai Warisan biayaan Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 2009. Untuk rekod, sebanyak 250 pokok sekitar Kota Kinabalu telah disenaraikan sebagai pokok bernilai warisan. Kerja-kerja pemuliharaan pokok bernilai warisan akan diteruskan oleh DBKK agar pokok bernilai ini terpelihara dan terjaga.

Terima kasih diucapkan kepada Unit Penyelidikan dan Pemuliharaan, Jabatan Landskap, DBKK yang diketuai oleh Puan Cornelia Nasly dan Arboris DBKK, Encik Affindy Chia.

PEMBAJAAN HIASAN DI BANDAR RAYA KOTA KINABALU

Jabatan Landskap, DBKK sedang giat melaksanakan kerja-kerja kemas landskap tanaman hiasan melibatkan kawasan pusat bandar dan komersil di Kota Kinabalu. Kerja-kerja kemas landskap ini mencakupi pemangkasan tanaman renek dan pembajaan tanaman agar lebih segar, sihat dan mengeluarkan pucuk/bunga baharu. Aktiviti ini dijadualkan secara berkala dan merupakan antara langkah rawatan tanaman yang rosak akibat terdedah terlalu lama kepada suhu kering dan panas, terutama selepas musim kemarau

pada bulan Februari hingga April yang lalu. DBKK akan terus berusaha memantapkan tahap keceriaan landskap dan kelestarian Bandaraya Kota Kinabalu.



KERJA-KERJA PEMANGKASAN POKOK

Kerja-kerja pemangkasan dahan pokok di tepi laluan berbasikal dan pejalan kaki sepanjang Jalan Coastal (Berhampiran Sutera Harbour Resort), Jalan Mentari (Berhadapan IMAGO Shopping Mall) dan KK Central telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Pokok, Jabatan Landskap DBKK pada 12 April 2024. Penumpuan tindakan penyelenggaraan dan kekemasan pokok-pokok tepi jalan akan diteruskan oleh Jabatan Landskap bagi memastikan dahan dan daun pokok yang rimbun tidak menghalang pandangan, sentiasa kemas dan tidak menghalang pencahayaan lampu jalan.





KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN RUMPUT, PEMBERSIHAN RUMPAI DI SEKITAR PUSAT BANDAR

Kelihatan anggota-anggota Jabatan Landskap sedang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rumput dan pembersihan rumpai di sekitar pusat bandar raya. Hujan yang kerap di kawasan Kota Kinabalu belakangan ini merupakan salah satu faktor yang menggiatkan pertumbuhan rumput rumpai di permukaan-permukaan jalan.



Antara kawasan yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan rumput dan pembersihan rumpai kali ini ialah di sekitar Dewan Masyarakat Kota Kinabalu, Jalan Pantai Suria Sabah, Padang Merdeka Kota Kinabalu, City Park, Taman Chong Thien Yun dan bekas bangunan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu. Tindakan ini dilaksana mengikut jadual yang ditetapkan pada setiap minggu, bagi memastikan keadaan landskap bandar raya kekal kemas dan bersih.



PEMBERSIHAN DAUN-DAUN KERING

Anggota Jabatan Landskap sedang menjalankan kerja-kerja pembersihan daun-daun kering di kawasan tanah lapang dan tepi jalan raya terutama di sepanjang kawasan Taman Awam Teluk Likas, Jalan Tun Fuad Stephens. Daun-daun kering ini adalah daun pokok ketapang atau nama saintifiknya Terminalia Cattapa. Pembersihan daun-daun kering diteruskan dari masa ke masa bagi memastikan kekemasan landskap berada di tahap yang memuaskan dan memberi keselamatan serta keselesaan kepada warga Bandaraya Kota Kinabalu.



KERJA-KERJA PEMOTONGAN TANAMAN TERBIAR DI TAMAN PERUMAHAN

Kerja-kerja pemotongan tanaman terbiar yang ditanam di luar kawasan rumah oleh Unit Kacau Ganggu dan Unit Pengurusan Pokok, Jabatan Landskap.





CADANGAN PEMBANGUNAN TAMAN BOTANI SABAH, KOTA KINABALU SABAH

Projek Pembangunan Taman Botani Sabah melibatkan kerja-kerja naik taraf Taman Tun Fuad Stephens yang merangkumi 153.35 ekar. Kawasan projek dibahagikan kepada dua parcel, iaitu Parcel A (44.13 ekar) dan Parcel B (109.22 ekar). Projek ini adalah biayaan Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kos kontrak 18.15 juta.

Kerja-kerja pembinaan projek telah bermula pada 22 September 2022 dan dijangka siap sepenuhnya pada 25 Februari 2025 (30 bulan).

Taman Tun Fuad Stephens ditutup sementara sehingga projek siap sepenuhnya. Kemudahan sedia ada seperti trek jogging, laluan pejalan kaki, lampu taman dan plaza akan dinaik taraf dan beberapa kemudahan lain akan dibina baharu seperti tandas, tempat letak kereta, pintu gerbang, jeti, pejabat (pusat botani) dan tapak semeian (nurseri).



Kemajuan kerja fizikal setakat 24 Jun 2024

Jadual	58.83%
Sebenar	48.76%
Varian	-5.07%
Lewat	45 hari



PROJEK MENAIK TARAF KEMUDAHAN DI PETAGAS MEMORIAL PARK

Projek Menaik Taraf Taman Tugu Peringatan Petagas ini merupakan projek menaik taraf berskala besar yang pernah diperolehi selepas taman ini ditubuhkan pada 1979. Peruntukan RM1.5 juta telah diterima di bawah peruntukan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah diberi tanggungjawab untuk melaksana dan memantau projek tersebut.

Secara keseluruhan, 95% daripada pelaksanaan projek ini adalah bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf

landskap kejur manakala 5% adalah kerja-kerja menanam rumput. Kemajuan semasa projek ini adalah cemerlang yang mana ke hadapan daripada jadual sebenar.

Beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan di taman ini, iaitu pembinaan panel mural yang mengisahkan sejarah pemberontakan Double Tenth dan pembinaan Tugu Petagas. Selain itu, skema warna putih yang dipilih melambangkan warna kesucian dan warna kelabu pula adalah simbolik kepada peristiwa hitam peperangan pada masa tersebut.



Kemajuan kerja fizikal setakat 25 Jun 2024

Jadual	48%
Sebenar	70%
Varian	22%
Cepat	54 hari

Maklumat Projek

Pemilik Projek	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar
Wakil Penguasa	Mayor Bandaraya Kota Kinabalu
Jabatan Pelaksana	Jabatan Landskap, DBKK
Arkitek	Arkitek Daniel Koh
Kontraktor	D'Gemilang Construction
Jumlah Kontrak	RM 1,500,000.00
Tempoh	12 Bulan (1 Tahun)
Tarikh Milik Tapak	7 Disember 2023
Tarikh Siap Bina	7 Disember 2024

MAHKAMAH MAJISTRET BANDARAYA

Pada 16 April 2007, DBKK telah mengukir sejarah apabila berjaya menubuhkan sebuah Mahkamah tersendiri yang dikenali sebagai Mahkamah Majistret Bandaraya Kota Kinabalu. Majlis Perasmian Mahkamah telah disempurnakan oleh Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Richard Malanjum, Hakim Besar Mahkamah Sabah dan Sarawak pada ketika itu.



Mahkamah Majistret Bandaraya Kota Kinabalu adalah diselia di bawah Jabatan Perundangan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bertempat di Tingkat 7, Bangunan Centre Point Sabah (CPS). Waktu operasi pejabat adalah bermula dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang, pada hari Isnin hingga Jumaat, kecuali pada cuti umum. Mahkamah Bandaraya Kota Kinabalu terbahagi kepada dua unit kecil iaitu Mahkamah Majistret Bandaraya dan Mahkamah Anak Negeri Daerah.

Fungsi Mahkamah Majistret Bandaraya adalah untuk memudahkan pengurusan kes-kes sivil dan saman jabatan DBKK yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu. Manakala bagi bidangkuasa jenayah, ia melibatkan kesalahan-kesalahan statut melalui peruntukan undang-undang yang diterima pakai dan denda atau penalti yang dijatuhkan tidak melebihi 10 tahun penjara atau yang boleh dihukum dengan denda sahaja berdasarkan kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 392 dan 457 Kanun Keseksaan.



Mahkamah ini juga mempunyai kuasa untuk memutuskan adanya "*prima facie*" (kes yang disokong oleh keterangan yang cukup sebagai telah dibuktikan tanpa keterangan yang menentang) atau tidak di dalam satu-satu jenayah yang dikemukakan. Manakala, bidangkuasa sivil adalah bagi kes-kes yang melibatkan jumlah tuntutan yang tidak melebihi hingga

RM25,000.00. Mahkamah ini juga mempunyai kuasa untuk mengendalikan percabaran terus tanpa keterangan saksi dan berdasarkan merit (*'summary trial'*) atau percabaran penuh yang melibatkan saksi-saksi.

Fungsi Mahkamah Anak Negeri Daerah (MAND) pula adalah untuk mempertimbangkan kes rayuan ke atas mana-mana keputusan penghakiman Mahkamah Anak Negeri (MAN). Mahkamah ini beroperasi dan berfungsi selaras dengan peruntukan di bawah Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992. Komposisi Mahkamah Anak Negeri Daerah (MAND) terdiri daripada Mayor atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Mayor sebagai ketua dan dua orang ahli iaitu Ketua Daerah atau Ketua Anak Negeri yang telah diberi kuasa dengan sempurna oleh Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menjalankan tugas-tugas penghakiman di Mahkamah ini.

Sejak tahun 2012 sehingga kini, sebanyak 52 kes Mahkamah Anak Negeri Daerah (MAND) telah didaftarkan di Mahkamah Majistret Bandaraya. Daripada jumlah 52 kes tersebut, 41 kes telah selesai dan 11 kes aktif. Jenis kes Mahkamah Anak Negeri Daerah (MAND) yang didaftarkan adalah kes-kes yang melibatkan tuntutan harta pusaka, kes Sijil Anak Negeri (SAN), kes pertikaian tanah atau wang, kes sogit, penyemakan prosiding, tuntutan hak penjagaan anak perceraian atau belanja anak dan rayuan pengurangan kadar bulan dan memanjangkan tempoh bayaran dikenakan oleh Mahkamah Anak Negeri.



Setakat bulan Januari hingga Jun 2024, terdapat dua kes Mahkamah Anak Negeri Daerah (MAND) telah dibicarakan di Mahkamah Majistret Bandaraya Kota Kinabalu. Kes pertama telah didengar pada 07 Februari 2024 dan melibatkan percabaran kes pertikaian tanah. Persidangan telah diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu selaku Hakim Mahkamah Anak Negeri Daerah dan diiringi oleh dua orang hakim pengapit dari Mahkamah Anak Negeri iaitu Ketua Daerah OKK Edna Jessica Majimbun dan Ketua Anak Negeri, Roger Meylin Impou.

Manakala kes kedua telah didengar pada 28 Februari 2024 yang juga melibatkan kes pertikaian tanah dan Yang Berbahagia Dato' Sri Mayor juga telah bersidang sebagai Hakim dengan diiringi oleh dua hakim pengapit dari Mahkamah Anak Negeri iaitu Ketua Daerah OKK Datuk Saidon bin Kadis dan Ketua Anak Negeri, Encik Raiman bin Tukum.



KENDERAAN TERBIAR DI KAWASAN PERUMAHAN DAN KOMERSIL, DBKK AKTIFKAN OPS TUNDA

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Penguatkuasaan telah mengaktifkan Ops Tunda iaitu operasi menunda, mengalihkan dan mengeluarkan kompaun ke atas kenderaan-kenderaan terbiar atau kenderaan usang yang sudah terbiar lama di tempat-tempat awam, sama ada di tepi jalan raya, bahu jalan, kawasan perumahan dan kawasan komersil.

Pemilik kenderaan yang ingkar dan gagal atau tidak memberi kerjasama akan berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Undang-undang Kecil (Peruntukan Tempat-tempat Letak Kereta Awam)(Letak Kereta Berkupon) Bandaraya Kota Kinabalu 2014 yang memperuntukkan tindakan penundaan kereta serta kompaun tidak melebihi RM500 bagi kesalahan yang berterusan atau berulang, atau jika sabit kesalahan, pesalah sabitan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 dan segala kos yang berkaitan akan ditanggung oleh pemilik kenderaan.

Sebagai rekod, sejumlah 1,038 Notis Kenderaan Terbiar/Usang telah dikeluarkan sepanjang tahun 2020 sehingga kini, dan 83 buah kenderaan telah ditunda dalam tempoh yang sama, melalui Ops Tunda yang dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasaan, DBKK. Ops Tunda akan dilaksanakan dari masa ke masa demi meningkatkan tahap keteraturan, kebersihan dan keselamatan persekitaran Bandaraya Kota Kinabalu.

OPS TUNDA:

19 KOMPAUN, 1 KENDERAAN DITUNDA DI JALAN TUN FUAD STEPHENS DAN JALAN 20, KOTA KINABALU

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Penguatkuasaan telah mengadakan Ops Tunda di sekitar Jalan Tun Fuad Stephens dan Jalan 20, Kota Kinabalu, pada 5 Jun 2024 (Rabu).

Menerusi operasi tindakan khas tersebut, 19 keping kompaun telah dikeluarkan kepada individu-individu yang didapati ingkar dan melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil (Peruntukan Tempat-tempat Letak Kereta Awam) (Letak Kereta Berkupon) Bandaraya Kota Kinabalu 2014.

Sementara itu, sebuah kenderaan telah ditunda atas sebab menghalang lalu lintas di Jalan Tun Fuad Stephens dan pemilik telah menjelaskan bayaran kos penundaan berjumlah RM100 serta kompaun berjumlah RM100. Kenderaan individu berkenaan telah diserahkan semula setelah kedua-dua bayaran diselesaikan.

Operasi yang bermula pada pukul 3.00 petang hingga 11.00 malam itu telah dilaksanakan oleh seramai sembilan orang anggota penguat kuasa DBKK.

Masyarakat awam diingatkan untuk sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dan tidak meletakkan

kenderaan di tempat yang tidak dikhaskan sehingga boleh menyebabkan gangguan kepada aliran lalu lintas. Pelaksanaan Ops Tunda oleh Jabatan Penguatkuasaan, DBKK akan diteruskan secara berkala dan dari masa ke masa, bagi mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran warga Bandaraya Kota Kinabalu untuk terus menghormati dan memelihara kedaulatan undang-undang yang berkuat kuasa.



OPS STREET DBKK: JABATAN PENGUATKUASAAN PANDANG SERIUS PEMATUHAN UNDANG-UNDANG KECIL SEKITAR BANDAR RAYA

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Penguatkuasaan terus komited dalam melaksanakan Ops Street secara berkala untuk memastikan Bandaraya Kota Kinabalu berada dalam keadaan terkawal dan teratur. Beberapa siri operasi telah dijalankan sepanjang Jun 2024, melibatkan beberapa lokasi utama di sekitar bandar raya.

Pada 4 Jun 2024, Ops Street dilaksanakan di sekitar bangunan KK Plaza, Anjung Kinabalu (Pasar Besar), The Shore dan sepanjang Jalan Tun Fuad Stephens. Dalam operasi ini, tiga kompaun di bawah Undang-undang Kecil Bandaraya Kota Kinabalu (Penjaja)(Pindaan), 2008 dikeluarkan kepada penjaja tanpa kebenaran di The Shore, dan amaran telah diberikan kepada penjaja gerai makanan berhampiran Segama Waterfront yang melanggar peraturan.

Ops Street diteruskan pada 9 Jun 2024 di sekitar D'Walai Haruman (pasar buah). DBKK menyita dua bakul berisi ubat dan kosmetik, empat (4) kerusi bersandar dan tiga kerusi kecil daripada penjaja tanpa lesen. Tindakan ini diambil untuk memastikan pematuhan Undang-undang Kecil Bandaraya Kota Kinabalu (Penjaja)(Pindaan), 2008.

Pada 16 Jun 2024 pula, Ops Street telah memberi fokus di tamu mingguan Jalan Gaya. Anggota penguat kuasa telah menjalankan pemantauan kebersihan, keselamatan dan keteraturan persekitaran tamu mingguan serta menjalankan rondaan intensif di sekitar lampu isyarat Centre Point Sabah (CPS), KK Sentral dan Jalan Coastal. Tindakan ini bertujuan untuk mencegah sebarang unsur kacau ganggu.

Operasi diteruskan lagi pada 17 Jun 2024, melibatkan kawasan sekitar lampu isyarat Centre Point Sabah (CPS), KK Sentral, Jalan Coastal dan Kampung Air. Fokus utama adalah untuk mencegah kegiatan kanak-kanak jalanan dan gelandangan yang mengemis sehingga mengganggu kelancaran trafik. Pemantauan tahap pematuhan umum terhadap Undang-undang Kecil (UUK) DBKK sedia ada juga dijalankan, khususnya di kawasan yang sering mendapat aduan.

Dengan pelaksanaan Ops Street secara berterusan, DBKK menegaskan komitmennya untuk menjaga keselamatan dan keteraturan bandar raya.

▼ Ops Street pada 17 Jun 2024.



▲ Ops Street pada 4 Jun 2024.



▲ Ops Street pada 9 Jun 2024.



▲ Ops Street pada 16 Jun 2024.

KEMPEN KESEDARAN **ANTI KUTU SAMPAH**

Jabatan Penguatkuasaan telah menjalankan Ops Degil: Compound On The Spot (COS) di seluruh kawasan bandar raya terutama di tempat-tempat awam dan taman-taman awam. Ops Degil dijalankan pada setiap hari bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan bandar raya dan juga memberi pengajaran kepada individu-individu yang mengotorkan persekitaran bandar raya. Sasaran operasi ini adalah kepada individu atau syarikat yang mengotorkan atau membuang sampah di merata tempat seperti puntung rokok, tisu, botol minuman atau bekas makanan.

Pesalah akan diberi pilihan sama ada membuat bayaran kompaun secara serta-merta (COS) pada nilai tidak kurang RM30 dan tidak lebih RM500, mengikut jenis dan jumlah sampah yang dibuang atau hadir di mahkamah iaitu Summon On The Spot (SOS). Jika pesalah disabit kesalahan, pesalah boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau dihukum Perintah Kehadiran Wajib (PKW) dengan melakukan kerja-kerja kemasyarakatan selama empat jam sehari dalam tempoh tidak lebih tiga bulan.

Bermula bulan Januari hingga Jun 2024, sejumlah 1,756 kompaun telah dikeluarkan dan jumlah kompaun yang telah dibayar adalah RM 40,460.

DBKK sentiasa mengingatkan orang awam untuk sama-sama menjaga kebersihan persekitaran Bandaraya Kota Kinabalu. Ops Degil (COS/SOS) ini akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan masyarakat sentiasa peka dan mengambil berat dalam menjaga kebersihan pesekitaran bandar raya.




TINDAKAN PENGUATKUASAAN **MENGHENTIKAN PERNIAGAAN 'BUNDLE' DI KAKI LIMA TANPA KELULUSAN**

Pada 28 April 2024 lalu, sebuah syarikat perniagaan barangan 'bundle' yang beroperasi di pusat bandar raya telah diberikan arahan untuk menghentikan aktiviti jualan mereka dengan serta-merta, sehingga mendapat kelulusan daripada pihak DBKK.

Hasil tinjauan DBKK telah mendapati syarikat perniagaan tersebut menjalankan aktiviti jualan mereka di kawasan terbuka dan siar kaki Warisan Square sehingga mengganggu laluan awam.

Operasi tindakan khas ini telah dijalankan secara bersepadu oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan, DBKK.



PEMANTAUAN AKTIVITI **PENJAJA HARAM DI TAMAN AWAM**

Operasi pemantauan dan kawalan ke atas penjaja haram di Taman Awam Teluk Likas menerusi Ops Payung oleh Jabatan Penguatkuasaan.





TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP RUMAH SETINGGAN DI KAWASAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Bahagian Setingan dan Tugas Khas, Jabatan Penguatkuasaan, DBKK terus menangani isu setingan melalui usaha kolektif dan tindakan bersepadu bersama agensi-agensinya penguatkuasaan lain.

Isu setingan tempatan mutakhir ini dilihat masih berterusan dan memerlukan perhatian pesat dari semua agensi bertindak. Jumlah kawasan setingan yang semakin memuncak juga telah membawa kepada peningkatan masalah sosial yang kritikal serta sistem prasarana yang tidak teratur.

Sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2024, sejumlah 94 keping notis telah diserahkan kepada individu yang mendirikan bangunan/rumah/struktur tanpa kelulusan Mayor Bandaraya Kota Kinabalu di bawah Undang-undang Kecil (Bangunan) Bandaraya Kota Kinabalu 1951, bagi tujuan pengusiran dan perobohan. Sejumlah 149 buah rumah/struktur telah diroboh di kawasan tanah milik persendirian dan tanah Kerajaan dalam operasi bersepadu yang dijalankan.

Jabatan Penguatkuasaan juga merupakan salah satu daripada agensi yang turut serta dalam pelaksanaan Ops Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menangkap PATI yang tidak memiliki dokumen sah.



OPERASI PENGUATKUASAAN UUK PREMIS PUB DAN BAR LOUNGE

Operasi penguatkuasaan Undang-undang Kecil (UUK) Bandaraya Kota Kinabalu (Premis Pub dan Bar Lounge)(Pindaan) 2003 telah dijalankan pada 18 Mei 2024. Operasi ini diketuai oleh Tuan Rozie Khan, Pengarah Jabatan Pelesenan, DBKK bersama anggota daripada Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasaan. Tiga kompaun telah dikeluarkan dan ditawarkan di bawah UUK Premis Pub dan Bar Lounge atas kesalahan menjalankan perniagaan dengan lesen tamat tempoh serta menjalankan perniagaan melebihi masa yang ditetapkan.





DBKK BANTERAS IKLAN TANPA KELULUSAN

Jabatan Pelesenan, DBKK telah meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan lesen iklan di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu melalui operasi mengalihkan dan membuka iklan-iklan tanpa kelulusan daripada DBKK dan menghantar notis pemberitahuan permohonan lesen iklan ke premis perniagaan di sekitar kawasan bandar raya. Operasi ini telah dijalankan sepanjang bulan Januari hingga Jun 2024 yang melibatkan kawasan taman perumahan sekitar Luyang dan Damai iaitu Taman Sheraton, Taman Seputeh, Taman Alpha, Jalan Damai, Lorong Dewan Damai dan Lorong Kenawai. Dianggarkan sejumlah 100 keping iklan tanpa kelulusan telah dialihkan yang terdiri daripada iklan ah long, sepanduk dan gegantung. Penguatkuasaan Undang-undang Kecil Bandaraya Kota Kinabalu (Iklan)(Pindaan) 2005 ini akan ditingkatkan dari masa ke masa bagi memastikan Kota Kinabalu bebas daripada iklan haram. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada orang awam agar tidak mempamer sebarang bentuk iklan tanpa kelulusan DBKK.



DBKK LAKSANA OPS DEGIL DAN PEMANTAUAN PENJAJA TANPA LESEN

Jabatan Pelesenan, DBKK turut melaksanakan Ops Degil iaitu operasi yang menguatkuasakan Undang-undang Kecil (UUK) Bandaraya Kota Kinabalu (Penjaja)(Pindaan), 2008. UUK Penjaja ini dikuatkuasakan ke atas penjaja yang menjalankan perniagaan tanpa kelulusan atau berniaga di kawasan yang tidak dibenarkan. Tawaran kompaun dan tindakan sita akan diambil setelah notis peringatan dikeluarkan. Sepanjang bulan Januari hingga Jun 2024, Ops Degil telah dilaksanakan di kawasan tumpuan seperti The Shore, Segama Waterfront, parkir SAFMA termasuk penjaja Bakso bermotorsikal dan kenderaan bersaji atau 'food truck'. Pada masa sama, pemantauan keteraturan turut dijalankan di pasar malam seperti Api-Api Night Food Market, Sembulan dan Sinsuran.



AKTIVITI PEMERIKSAAN **PASUKAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN**

Kerja-kerja pemeriksaan status pembinaan tiang telekomunikasi di Taman Ridgeview, Kepayan pada 11 Januari 2024 lalu oleh kakitangan Jabatan Kawalan Bangunan (JKBn). Susulan penemuan itu, satu notis perobohan telah dikeluarkan kepada pesalah.



LAWATAN PEMERIKSAAN **HARTANAH DI SBH KIBING SOLAR NEW MATERIALS (M) SDN. BHD.**

Lawatan pemeriksaan ke atas hartanah milik syarikat SBH Kibing Solar New Materials (M) Sdn. Bhd. yang merupakan antara syarikat antarabangsa pengeluar kaca fotovolta solar (PV) terbesar di Industrial Zone 2, Jalan Sepanggar, Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) pada 25 Mac 2024 lalu.

Lawat periksa ini merupakan salah satu proses penilaian hartanah yang dilakukan bertujuan untuk pengenaan Cukai Kadaran.

Lawat periksa Fasa 1 telah diketuai sendiri oleh Puan Abby Mae Joe, Pengarah Jabatan Penilaian, DBKK. Manakala, lawat periksa Fasa 2 pada 15 Julai 2024 lalu telah diketuai oleh Encik Michael A. Lojitan.



LAWATAN PEMERIKSAAN TAPAK DAN PENYELENGGARAAN PENGANGKUTAN AWAM

Kerja-kerja membaik pulih perhentian bas di sepanjang Jalan Teluk Likas oleh Bahagian Penyelenggaraan Pengangkutan Awam, Jabatan Pengangkutan dan Trafik (JPT) pada 18 Januari 2024 lalu.



Lawatan ke tapak trek basikal Parsel 1, Taman Awam Teluk Likas pada 20 Februari 2024 bagi tujuan membaik pulih keadaan trek basikal demi keselamatan dan keselesaan warga bandar raya yang datang untuk menjalankan aktiviti rekreasi.



Lawatan ke tapak cadangan perhentian bas dan pejalan kaki di Sekolah Kampung Gentisan, pada 21 Mei 2024.



Sekitar lawatan tapak projek jambatan 'cycleway' pertama bersama pihak kontraktor dan agensi-agensi lain. Projek pembinaan jambatan pejalan kaki dan penyambungan trek basikal Parsel 4 UMS ke medan tempat letak kereta Taman Awam Teluk Likas, trek basikal Parsel 1, pada 24 Mei 2024.



Lawatan tapak Projek Pejalan Kaki Berbumbung yang menghubungkan SMK Likas ke SMJK Shan Tao pada 27 Jun 2024, bersama Yang Berhormat Tuan Tan Lee Fatt, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.19 Likas.



Tinjauan kerja-kerja membaik pulih 'boardwalk' di Anjung Senja pada 04 Januari 2024.



Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan air bertakung di Jalan Kemajuan, Kota Kinabalu pada 06 Februari 2024.



Kerja-kerja penyelenggaraan dan penampalan kawasan letak kereta di Tanjung Aru, pada 26 Mac 2024.



Sekitar pemeriksaan tapak di Taman Mahkota berkenaan aduan tanah mendap pada 07 April 2024.



Pemeriksaan jalan rosak di Kampung Kopungit pada 28 Mei 2024.



Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan penampalan kawasan sempena persediaan Majlis Pelancaran Harum Kinabalu di kawasan D'Walai Mutiara pada 06 Jun 2024.



PENSIJILAN ISO 211011:

BENGGEL DOKUMENTASI (MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN DAN SOKONGAN)

Bengkel Dokumentasi (Maklumat Didokumentasikan dan Sokongan) telah diadakan pada 4 Jun 2024, bertujuan untuk persediaan pensijilan ISO 211011. Bengkel selama satu hari ini telah menyaksikan penyertaan seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan DBKK, Komuniti Homestay Desa Cinta Kobuni, Homestay Id Pogimpaan, Homestay Id Kalangadan dan Homestay Darau Wetland. Tahniah diucapkan kepada semua peserta.



KURSUS-KURSUS UNTUK

PENSIJILAN ISO 21101:2014 (ADVENTURE TOURISM SAFETY MANAGEMENT SYSTEMS)

Pensijilan ISO 21101: 2014 akan mula dilaksanakan bermula tahun 2024 ke arah pengurusan risiko yang lebih sistematik dalam mengurus keselamatan aktiviti pelancongan. Pensijilan ini juga bertujuan untuk membantu pengusaha pelancongan menjalankan aktiviti dalam persekitaran yang terjamin keselamatannya dan seterusnya mengelakkan insiden yang tidak diingini. Ia turut bertujuan untuk meningkatkan kepuasan dan keyakinan pelanggan dengan memenuhi jangkaan keselamatan mereka.

Pada permulaan pelaksanaan MS ISO 21101, fokus utama adalah pusat-pusat pelancongan di bawah program IMPAK (Inisiatif Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti) di bawah bimbingan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Objektif pelaksanaan program adalah untuk menjadikan pusat pelancongan di bawah bimbingan DBKK mengamalkan 'Best Practise' agar menjadi contoh kepada pusat pelancongan yang lain.

Kumpulan sasar untuk program ini ialah 16 kakitangan Jabatan DBKK dan 18 ahli-ahli Komuniti Pusat Pelancongan/Homestay di bawah program IMPAK iaitu Homestay Desa Cinta Kobuni, Homestay Id Kalangadan, Homestay Darau Wetland, Homestay Id Pogimpaan, Kg. Kolosunan di Inanam dan Kg. Bongkud di Manggatal.

Antara kursus yang wajib diadakan untuk memastikan pengauditan dan pensijilan ISO 21101 dapat dilaksanakan Kursus Pembangunan Sistem Pengurusan Keselamatan Pelancongan Kembara (SPKPK) ISO 21101- 2014; Bengkel Konteks Organisasi, Kepimpinan dan Perancangan; Bengkel Pengurusan Risiko dan HIRARC, Bengkel Dokumentasi (Maklumat Didokumentasikan dan Sokongan), Bengkel Operasi; Bengkel Penilaian Prestasi dan Penambahbaikan dan Bengkel Audit Dalaman.

DBKK berharap agar penganjuran kursus-kursus ini akan menjadikan DBKK sebagai sebuah organisasi yang unggul dan disegani sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama yang melaksanakan MS ISO 21101 dan menerapkan amalan pengurusan yang berkualiti tinggi.



BENGKEL

PROJEK PENINGKATAN PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA GIS DAN KAJIAN SEMULA 15 DRAF PELAN TEMPATAN KOTA KINABALU

Sebanyak tujuh siri Bengkel Projek Peningkatan Pembangunan Pangkalan Data GIS dan Kajian Semula 15 Draf Pelan Tempatan Kota Kinabalu telah berjaya dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Perancangan Bandaraya. Objektif utama pelaksanaannya adalah untuk mengumpul data-data teknikal dan nasihat daripada agensi Persekutuan, Negeri, Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Non Governmental Organisations (NGO) yang berkaitan bagi memantapkan kajian semula Pelan Tempatan Kota Kinabalu.

Tujuh siri bengkel tersebut telah diadakan mengikut agenda iaitu Siri 1: Jalan dan Pengangkutan (21 Mei), Siri 2: Infrastruktur dan Utiliti (6 Jun), Siri 3: Kemudahan Awam dan Kawasan Lapang (12 Jun), Siri 4: Industri (13 Jun) dan Siri 5: Perumahan (18-19 Jun). Manakala dua (2) siri bengkel yang menyusul adalah Siri 6: Komersil (26 Jun) dan Siri 7: Pelancongan dan Alam Sekitar (27 Jun).

Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua peserta yang telah memberi sumbangan ilmu, fakta, data dan maklumat terpenting demi pembangunan Bandaraya Kota Kinabalu!



DBKK, AMC COLLEGE ANJUR

BENGKEL 'BECOME A SOCIAL MEDIA INFLUENCER (YOUTUBE & TIKTOK)' UNTUK BELIA DI PUSAT CBT

Pada 8 Jun 2024 lalu, telah berlangsung bengkel 'Become A Social Media Influencer (Youtube dan TikTok)' anjuran bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan AMC University College. Bengkel ini diadakan di AMC University College, Tingkat 1, Likas Square Commercial Centre dan telah dihadiri oleh komuniti belia Pusat Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) di bawah bimbingan DBKK, iaitu Homestay Darau Wetland, Homestay Desa Cinta Kobuni dan Homestay Id Kalangadan.

Objektif utama penganjuran bengkel ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan pembudayaan peserta ke arah perniagaan pelancongan secara digital serta mempelajari teknik

dan tip mengikut perubahan teknologi dan trend perniagaan masa kini. Selain itu, para peserta turut diberi pendedahan berkaitan bidang keusahawanan untuk mengembangkan perniagaan pelancongan mereka ke tahap yang lebih tinggi, berteraskan pemasaran digital.





PROGRAM SIRI 1 & SIRI II:
**BENGKEL LATIHAN PERTOLONGAN
 CEMAS DAN CPR, PELANCONGAN
 BERASASKAN KOMUNITI**

Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat (JPKM) Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah mengadakan Bengkel Latihan Pertolongan Cemas dan CPR, Pelancongan Berasaskan Komuniti menerusi dua siri kursus iaitu pada 13 Januari 2024 di Balairaya Kampung Darau Laut dan pada 14 Januari 2024 di Pusat Informasi Homestay Id Kalangadan. Menerusi bengkel latihan ini, ia diharap mampu membantu peserta dalam mempelajari teknik pertolongan kecemasan dalam mencegah berlakunya kemalangan dan meningkatkan kesedaran serta kemahiran komuniti setempat untuk melakukan CPR dalam keadaan kecemasan. Bengkel ini juga bertujuan untuk meminimumkan risiko kadar kematian berikutan kegagalan mangsa diberikan rawatan CPR dengan segera.



PROGRAM

BENGGKEL LATIHAN KEBAKARAN DAN KESELAMATAN DI AIR

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu melalui Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat (JPKM) telah mengadakan Bengkel Latihan Kebakaran dan Keselamatan Di Air untuk pusat-pusat pelancongan berasaskan komuniti ke arah Pensijilan ISO21101. Bengkel ini telah diadakan menerusi dua siri iaitu pada 27 Januari 2024 di jeti pelancongan Balairaya Homestay Darau Wetland dan pada 28 Januari 2024 di Pusat Informasi Homestay ID Kalangadan. Sasaran bengkel ini adalah untuk memberikan kesedaran bahaya kebakaran kepada komuniti setempat, memberi pendedahan akan kaedah penggunaan peralatan pencegahan dan pemadaman kebakaran yang sedia ada seperti loceng penggera, *hose reel* dan alat pemadam api. Ia turut bertujuan untuk mendidik komuniti setempat mengenai panduan-panduan keselamatan semasa berada di dalam air bagi mengelak berlakunya insiden kemalangan yang tidak diingini.





KURSUS KOMUNITI SIRI 1/2024 PENGURUSAN DAN AMALAN TAPAK SEMAIAN

Kursus Komuniti Kebun Bandar Siri 1/2024 telah diadakan di Pusat Pembelajaran Bandaraya Kota Kinabalu bertujuan untuk memberi pengetahuan berkenaan pengurusan dan amalan baik tapak semaian tanaman herba dan sayur-sayuran kepada para peserta. Seramai 34 peserta daripada tiga komuniti Kebun Bandar Kota Kinabalu telah mengikuti kursus dengan jayanya iaitu kakitangan daripada Jabatan Landskap, Jabatan Kesejahteraan Masyarakat serta Komuniti Kebun Bandar JKDB Sempelang, Sembulan, Komuniti Grace Court Sembulan dan Komuniti SK Stella Maris, Tanjung Aru.

Kursus ini telah dimampatkan oleh tenaga pakar dari Fakulti Pertanian Lestari Universiti Malaysia Sabah (UMS) Sandakan, Profesor Madya Dr. Jupikely James Silip, Timbalan Dekan (Pengurus Ladang dan Hubungan Industri). Diharapkan kursus ini akan memberi manfaat kepada semua peserta kursus.



KURSUS PEMANTAPAN PENGUAT KUASA MAJLIS DAERAH SEMPORNA SIRI 1 TAHUN 2024



Dua pegawai kanan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) yang terdiri daripada Tuan Abdul Mukti bin Haji Muchlish, Pengetua Akademi dan Encik Fohny Garampang, Pegawai Penguat Kuasa, serta dua Jurulatih Kawad iaitu Sarjan Mejar Ahmad Razali dan Koperal Stephen Kuling telah dijemput hadir menjayakan Kursus Pemantapan Penguat Kuasa Majlis Daerah

Semporna Siri 1 Tahun 2024. DBKK telah diberi kepercayaan untuk menyampaikan 14 jam ceramah berkaitan Undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan prosedur penguatkuasaan serta memberikan 12 jam latihan kawad kepada 30 anggota penguat kuasa Majlis Daerah Semporna selama empat hari iaitu bermula pada 6 hingga 9 Jun 2024.

Gambar kenangan sekitar Sesi Latihan Penggunaan Modul 'Purchasing' (Perolehan) dan 'Budgetary' pada 19 Mac 2024



AKTIVITI AUDIT

AUDIT TAHUNAN

MS ISO 9001:2015 DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Audit Tahunan MS ISO 9001:2015 telah dilaksanakan di semua jabatan/bahagian DBKK pada 25 Mac 2024 hingga 3 April 2024 lalu. Ia melibatkan 23 jabatan dan bahagian DBKK, 31 Prosedur Kerja (SOP) dan 44 Arahan Kerja (AK). Audit MS ISO 9001:2015 ini merangkumi keperluan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Sejumlah 23 pasukan audit telah melaksanakan kerja-kerja pengauditan ini dengan penglibatan 70 orang juruaudit dan diketuai oleh Tuan Victor Gerard Kuasi, Ketua Bahagian Audit Dalam, DBKK selaku Ketua Juruaudit Dalam MS ISO Tahun 2023.

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah berjaya mendapat Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 berkuat kuasa 7 Julai 2021 hingga 21 Mei 2024 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan IQNET. No. Sijil ialah QMS 02012.

Objektif utama Audit Dalam dijalankan adalah untuk menilai dan mengesahkan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di semua jabatan/bahagian yang terlibat dan memastikan ia sesuai untuk dilaksanakan sepanjang masa. Kaedah audit merangkumi sesi temu bual dengan

anggota kerja serta pengurusan yang berkaitan, semakan rekod, dokumen dan pemerhatian operasi ke atas prosedur, arahan kerja, standard, peraturan dan aspek perundangan yang berkaitan serta mengenal pasti tindakan pembetulan dan peluang penambahbaikan yang disyorkan atau yang bersesuaian.

Skop Pensijilan ini meliputi Pengurusan Bandaraya Merangkumi Kawalan Pembangunan, Kawalan Perniagaan, Pengurusan Cukai Taksiran Harta, Kawalan Kebersihan dan Perkhidmatan Bandar, Penguatkuasaan Undang-undang Kecil, Pengendalian Aduan Awam dan Perkhidmatan Sokongan Korporat.

Kursus Audit Dalam Sistem Pengurusan Berkualiti MS ISO 9001:2015 juga telah diadakan bagi semua juruaudit MS ISO DBKK, pada 6 dan 7 Mac 2024 bertempat di Pusat Pembelajaran Bandaraya Kota Kinabalu, Taman Kingfisher, Kota Kinabalu. Kursus ini telah dihadiri seramai 21 orang juruaudit. Penceramah undangan ialah daripada Syarikat Think Big Management Consultant Sdn. Bhd.

27 MAC 2024



Pelaksanaan Audit MS ISO di Jabatan Penguatkuasaan

28 MAC 2024



Pelaksanaan Audit MS ISO di Jabatan Perundangan

28 MAC 2024



Pelaksanaan Audit MS ISO di Jabatan Kawalan Bangunan

2 APRIL 2024



Pelaksanaan Audit MS ISO di Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya

2 APRIL 2024



Pelaksanaan Audit MS ISO di Jabatan Kawalan Bangunan

2 APRIL 2024



Pelaksanaan Audit MS ISO di Jabatan Pengangkutan dan Trafik

KURSUS PENGAUDITAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Kursus Pengauditan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Tahun 2024 telah diadakan selama tiga hari pada 4 hingga 6 Jun 2024 bertempat di Pusat Pembelajaran Bandaraya Kota Kinabalu, Taman Kingfisher Likas. Kumpulan sasar bagi kursus ini ialah Auditor, Kumpulan Pengurusan & Profesional dan juga Kumpulan Pelaksana Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Seramai 48 peserta telah menghadiri dengan jayanya kursus ini.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memastikan semua peserta dapat menjadi seorang juruaudit yang cekap, berdisiplin, berhemah, bertanggungjawab dan bermotivasi tinggi. Kursus ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kaedah melaksanakan audit dalaman yang sistematik, aspek pengurusan dan penilaian audit, kriteria dokumentasi serta penyediaan laporan yang berkualiti.



Seramai lapan penceramah kursus daripada Jabatan Audit Negara Negeri Sabah telah diundang dan menjayakan kursus ini:

PENCERAMAH	TAJUK CERAMAH
Dr. Mona Othman Pengarah Audit Negeri Sabah	Slot 2 - Penyata Kewangan Berdasarkan MPSAS
Encik Halimuddin Chongge C.A.(M), ACPA Timbalan Pengarah Audit Negeri Sabah	Pengurusan Perolehan Aset
Puan Aimie Dinsin Penolong Pengarah Audit	Pengurusan Terimaan dan Bayaran
Puan Aberyna Wong Penolong Pengarah Audit	Pengenalan Kepada Pengauditan Tadbir Urus
Puan Norliza binti Dzulkifli Penolong Pengarah Audit	Penyediaan Penyata Kewangan
Puan Azizah Haji Daud C.A.(M), AIIA, ASEAN CPA Ketua Penolong Pengarah Audit (Kewangan)	Slot 1 - Penyata Kewangan Berdasarkan MPSAS
Encik Jimmy Tiven Ketua Penolong Pengarah Audit (Prestasi)	Pengenalan Kepada Pengauditan Prestasi
Puan Asmah binti Kamsar Ketua Penolong Pengarah (Prestasi)	Penyediaan Laporan Ketua Audit Negara dan Proses Susulan

KUNJUNGAN HORMAT DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU KE JABATAN AUDIT NEGARA

Bahagian Audit Dalam telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Audit Negara Negeri Sabah pada 13 Mac 2024, 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat, Jabatan Audit Negara Negeri Sabah. Rombongan daripada Bahagian Audit Dalam, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) adalah seramai tujuh orang yang diketuai oleh Tuan Victor Gerard Kuasi, Ketua Bahagian Audit Dalam, DBKK dan seramai enam orang dari pihak Jabatan Audit Negara Negeri Sabah yang diketuai oleh Dr. Mona binti Othman, Pengarah Audit Negeri Sabah.

Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk membincangkan cadangan kursus yang akan diadakan dengan kerjasama Jabatan Audit Negara Negeri Sabah bagi membantu organisasi mencapai matlamat, di samping untuk memberi input yang besar agar dapat mengetahui fungsi kepentingan audit dalaman dalam pelaksanaan program audit dan dapat mempelajari kaedah menjalankan aktiviti audit dalaman secara sistematik serta mengetahui aspek pengurusan dan penilaian audit termasuk kriteria, dokumentasi dan pelaporan berkualiti.

Dengan kerjasama padu daripada Jabatan Audit Negara Negeri Sabah, Bahagian Audit Dalam DBKK berharap ia dapat membantu auditor DBKK mendalami kaedah pengauditan yang berkualiti selaras dengan standard yang ditetapkan, serta dapat mempelajari teknik pengauditan yang efektif, meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pelaporan.

DBKK turut berharap agar hasil kerjasama ini bakal melahirkan juruaudit yang profesional, telus dan berintegriti dalam menjalankan kerja-kerja pengauditan di DBKK serta dapat membantu pengurusan menangani isu kritikal dan penambahbaikan berterusan di dalam organisasi.

Bahagian Audit Dalam berterima kasih atas kesempatan yang diberikan semasa berkunjung ke Jabatan Audit Negara Negeri Sabah dengan sambutan yang baik dan positif. Semoga kerjasama ini dapat kekal diteruskan untuk jalinan padu di bawah rumpun Malaysia Madani dan dalam sektor Kerajaan.



▲ Gambar bersama delegasi DBKK dan Pengarah Audit, Timbalan Pengarah Audit dan Pegawai-pegawai Jabatan Audit Negara Negeri Sabah.

KE ARAH DIGITALISASI

DBKK PERKENAL **SISTEM E-BAZAR BAGI PERMOHONAN BAZAR RAMADAN TAHUN 2024**

Buat julung kalinya, permohonan tapak Bazar Ramadan di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bagi tahun 2024 telah dibuka secara dalam talian, menerusi sistem e-Bazar. Pelaksanaan ke arah digitalisasi ini adalah sejajar dengan konsep “Kerajaan Digital Mampan” bagi meningkatkan kecekapan pengurusan permohonan Bazar Ramadan di bawah seliaan DBKK.

Sebanyak tujuh (7) lokasi Bazar Ramadan di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu berada di bawah seliaan DBKK dan sering menjadi tumpuan orang ramai, antaranya adalah Lintasan Deasoka, Padang Merdeka Kota Kinabalu, Sembulan, Indah Permai, Damai, Tanjung Aru dan Taman Chong Thien Vun. Ia melibatkan seramai 601 penaja.



PENYELIDIKAN DAN PEMBUDAYAAN INOVASI

AKTIVITI BAHAGIAN PEMBUDAYAAN INOVASI

14 Mac 2024



Perbincangan berhubung Projek Inovasi Kumpulan PEAK UiTM: Projek Penjana Elektrik Air Kumbahan.

15 Mac 2024



Perbincangan berhubung Cadangan Elemen Inovasi Dimasukkan Di Dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bersama Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) DBKK.


AKTIVITI BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

27 Feb - 1 Mac 2024



OPERASI PEMANTAUAN BUAYA DI BANDARAYA KOTA KINABALU SESI 1/2024

AKTIVITI PENGUMPULAN DATA SOAL SELIDIK KAJIAN DI LAPANGAN



11 Mei 2024

KAJIAN RINTIS BAGI KAJIAN PENILAIAN IMPAK ANALISIS PROGRAM PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI (CBT) DI BANDARAYA KOTA KINABALU TAHUN 2024 DI DARAU WETLAND ECO-TOURISM



18 Mei 2024

KAJIAN INDEKS KEBAHAGIAAN PENDUDUK (MURNINETS 2.0) DI KAWASAN PENTADBIRAN DBKK



19 Mac 2024



PERBINCANGAN BERHUBUNG PELAKSANAAN INISIATIF BANDAR MESRA KANAK-KANAK (CFCI) BERSAMA UNITED NATIONS CHILDREN'S FUND (UNICEF)

AKTIVITI BAHAGIAN OPERASI, PAMERAN DAN GALERI

21 Jan 2024



PAMERAN SEMPERNA UPACARA MEMPERINGATI MANGSA-MANGSA PERANG PETAGAS DI TUGU PERINGATAN PETAGAS

3-4 Feb 2024



PROGRAM KHAS SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA BAGI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.18 INANAM BERTEMPAT DI KOLOMBONG INDUSTRIAL ESTATE.

24-25 Feb 2024



PROGRAM JUMBLE SALE DI PEKARANGAN KOMPLEKS MAHKAMAH KOTA KINABALU



27 Feb 2024

PROGRAM I-HIJAU DI SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (SICC) KOTA KINABALU



24 Apr 2024

PAMERAN SEMPERA MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SABAH DI PERKARANGAN DEWAN SRI PUTATAN



6 Jun 2024

GALERI DOUBLE SIX DI BAWAH SELIAAN JABATAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (JPI) DBKK TELAH MENERIMA KUNJUNGAN YANG BERHORMAT DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G. KITINGAN, TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN SELAKU TETAMU KEHORMAT UPACARA MEMPERINGATI DOUBLE SIX, MEWAKILI YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI SABAH

20 FEBRUARI 2024



SITE TESTING i-HUNI

Jabatan Pengurusan Luar Bandar (JPLB) bersama Jabatan Teknologi Maklumat dan Pendigitalan (JTMP) DBKK telah menjalankan 'site testing' Sistem i-Huni di Kampung Likas. Sistem inovatif ini direka bagi memudahkan proses bancian penduduk dilaksanakan. Ia merupakan langkah proaktif DBKK dalam mendigitalkan proses kerja perkhidmatan awam demi kemudahan rakyat.

24 MAC 2024



LAWATAN KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA MANGSA KEBAKARAN KAMPUNG MUHIBBAH, LIKAS

Lawatan DBKK ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) mangsa kebakaran di Kampung Muhibbah, Likas telah diadakan bagi memastikan semua mangsa mendapat bantuan dan perlindungan yang sewajarnya. Berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sabah, mangsa insiden kebakaran yang telah ditempatkan di PPS tersebut melibatkan lapan buah rumah dan 15 Ketua Isi Rumah (KIR).

28-29 FEBRUARI 2024



PROGRAM PEMBASMIAN MISKIN TEGAR (BMT) DI BAWAH (2022 – 2025)

Sesi pertemuan DBKK bersama Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar di kawasan DUN N.18 Inanam dan DUN N.22 Tanjung Aru telah diadakan sebagai sebahagian daripada usaha nasional untuk mencapai sifar miskin tegar menjelang tahun 2025. Sesi pertemuan ini turut melibatkan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) dan Jabatan Perikanan.



LEBIH 200 PENGGEMAR TEGAR SUKAN BERBASIKAL
MERIAHKAN ACARA **FRIENDLY RIDE** BERSAMA TOH PUAN

Lebih 200 penggemar tegar sukan berbasikal telah mengambil bahagian dalam acara *Friendly Ride* Bersama Toh Puan sempena Sambutan Ulang Tahun ke-24 Bandaraya Kota Kinabalu yang diadakan pada 2 Mac 2024 di Padang Merdeka Kota Kinabalu.

Acara ini merupakan inisiatif Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan dijayakan dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu, PEMADAM Bandaraya Kota Kinabalu, Kelab REKA DBKK dan DBKK Cycling Team (DCT).

Sepanjang acara ini berlangsung, DCT telah mengetuai dalam pengurusan Teknikal, Marshall dan Keselamatan yang terdiri daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sabah dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Acara pelepasan pasukan berbasikal yang dimulakan seawal 7.00 pagi itu telah disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah binti Tan Sri Datuk R.M Jasni, yang turut disertai oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dan isteri, Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu.

Turut berlangsung dalam acara itu adalah penyerahan sumbangan kepada 120 anak-anak asnaf Yayasan Nur Jauhar yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah binti Tan Sri Datuk R.M Jasni.





KAKITANGAN AGENSI KERAJAAN, SWASTA MERIAHKAN KEJOHANAN TENPIN BOLING TERBUKA PIALA MAYOR DBKK 2024



Kejohanan Tenpin Bowling Terbuka Piala Mayor DBKK 2024 sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-24 Bandaraya Kota Kinabalu telah berlangsung pada 23 hingga 25 Februari 2024 lalu di KK Galaxy Bowl, Centre Point Sabah (CPS). Penyertaan kejohanan ini adalah terbuka kepada agensi-agensi kerajaan, swasta dan persatuan tempatan. Kejohanan ini menyaksikan gelaran juara keseluruhan dirangkul oleh pasukan PTBNS DZ, diikuti oleh pasukan DBKK A (Naib Johan) dan SAFA B (Tempat ke-3).

KEJOHANAN 4 PENJURU DALAMAN DBKK (ANTARA SEKTOR)



Gambar kenangan sekitar Kejohanan 4 Penjurus Dalaman DBKK (Antara Sektor) anjuran Kelab Bowling DBKK.





TIGA PEMAIN BOLING DBKK MEWAKILI MAKSAK SABAH KE KEJOHANAN MAKSAK GAMES 2024

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah mengelolakan pemilihan dan pengurusan Tenpin Boling Majlis Kebajikan dan Rekreasi Kakitangan Awam (MAKSAK) pada tahun ini. Pemilihan pemain untuk mewakili MAKSAK Sabah telah diadakan pada 18 dan 19 Mei 2024, bertempat di KK Galaxy Bowl, Centre Point Sabah (CPS). Hasil sesi pemilihan telah menyaksikan seramai tiga pemain DBKK telah dipilih untuk mewakili MAKSAK Sabah di peringkat negeri iaitu Encik Mohd. Ainal bin Narshad, Encik Mohammad Sufyan bin Ismat Hafiz dan Cik Alexandria Edith John.

Kejohanan MAKSAK Games 2024 - Tenpin Boling telah berlangsung dengan jayanya pada 11 hingga 14 Julai 2024 di Mega Lanes Kuantan, Pahang dengan diketuai oleh Encik Mohd. Kamsul Shah selaku pengurus Pasukan Tenpin Boling MAKSAK Sabah. Dalam kejohanan tersebut, MAKSAK Sabah telah berjaya mendapat Naib Johan Bertiga Lelaki dan Anugerah High Pin Score Wanita.



KEJOHANAN BADMINTON PIALA MAYOR TAHUN 2024 SIRI 4

Kejohanan Badminton Piala Mayor Tahun 2024 Siri 4 telah diadakan dengan jayanya. Kejohanan anjuran bersama DBKK Shuttlers dan Sabah Badminton Association (SBA) ini bertujuan untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dengan menerapkan elemen sukan dalam kehidupan seharian.

Kejohanan yang berlangsung selama tiga hari itu menyaksikan seramai 244 pemain berentap bagi merangkul gelaran juara dalam lima kategori yang dipertandingkan, iaitu Kategori Veteran Lelaki Novis Gabungan 90 Tahun, Kategori Wanita Novis Gabungan 80 Tahun, Kategori Bergu Wanita Novis, Kategori Lelaki Semi-Pro dan Kategori Lelaki Novis.

Sesi penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu selaku tetamu kehormat, sambil diiringi oleh Encik Hassim Musa, Timbalan Pengerusi DBKK Shuttlers selaku Ketua Penyelaras Kejohanan dan Encik Durie Juneh, Ketua Teknikal DBKK Shuttlers.





DBKK NAIB JOHAN KEJOHANAN BOLA TAMPAR LELAKI TERBUKA MAKSAM SABAH 2024

Pasukan bola tampar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah berjaya mendapat tempat Naib Johan dalam Kejohanan Bola Tampar Lelaki Terbuka MAKSAM Sabah 2024 anjuran Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dengan kerjasama Majlis Kebajikan dan Rekreasi Kakitangan Kerajaan Negeri Sabah (MAKSAM) di Dewan Sri Kinabatangan, JKR Sabah pada 3 hingga 5 Mei 2024 lalu.

Pasukan DBKK terdiri daripada Encik Muhammad Alfian Yaakob (Pengurus Pasukan), Encik Tonny bin Gudang (Jurulatih Pasukan) serta pemain-pemain pasukan yang terdiri daripada Encik Wan Hamirno Amirul, Encik Al Mirad Sanad, Encik Rozaimi Rodih, Encik Mohd. Azlan Nasripan, Encik Mohd. Radzie Sablee, Encik Mohd. Azrin Nasripan, Encik Mohd. Saiful bin Ali Hassan dan Encik Theddy Jay.

Kejohanan yang melibatkan 13 pasukan daripada agensi-agensi Kerajaan Negeri ini telah menyaksikan pasukan Bomba Sabah dinobatkan sebagai juara kejohanan dan akan mewakili MAKSAM Sabah dalam Kejohanan MAKSAM Malaysia Bola Tampar yang akan berlangsung di Selangor Darul Ehsan pada 19 hingga 22 September 2024.

DBKK ANJUR KEJOHANAN BOLA SEPAK LIGA JUARA-JUARA TERTUTUP SEMPENA HARI PEKERJA 2024



Tanggal 1 Mei amat sinonim dengan hari cuti khas sempena sambutan Hari Pekerja. Sempena hari istimewa ini, warga kerja Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah mengambil peluang untuk bersantai riadah dalam acara Kejohanan Bola Sepak Liga Juara-Juara Tertutup DBKK, bertempat di Padang Sukma A, Likas.

Kejohanan yang diadakan buat kali kedua ini telah menyaksikan penyertaan daripada enam buah pasukan ala Liga Perdana Inggeris (EPL) dan La Liga, iaitu Arsenal, Manchester United, Liverpool, Chelsea, Newcastle United dan Real Madrid.

Gelaran juara telah dirangkul oleh pasukan Manchester United setelah berjaya menewaskan pasukan Arsenal dengan keputusan 4-3 melalui penentuan sepakan penalti setelah berkesudahan seri 1-1. Tempat ketiga, dimiliki bersama oleh pasukan Liverpool dan Chelsea manakala Newcastle United dan Real Madrid masing-masing membawa pulang hadiah saguhati.

Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah DBKK, Sr. Lifred Wong yang mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

DBKK TERIMA ANUGERAH **ASEAN CLEAN TOURIST CITY STANDARDS PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024-2026**



Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) sekali lagi dianugerahi Asean Clean Tourist City Standards Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2024-2026. Anugerah ini telah disampaikan oleh Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Puan Masliza Che Omar kepada Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) DBKK, Encik Robert B. Lipon yang mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dalam satu majlis pada 29 April 2024 di Cyberview Resorts & Spa, Cyberjaya.

Standard Pelancongan ASEAN merupakan satu ketetapan piawaian oleh negara ASEAN bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dalam industri pelancongan serantau selaras dengan Pelan Pelancongan Strategik ASEAN 2016-2025 ke arah menjadikan ASEAN sebagai destinasi unggul di peringkat antarabangsa. Kejayaan DBKK merangkul anugerah ini adalah berdasarkan pematuhan semua kriteria penilaian ASEAN Clean

Tourist City Standard yang merupakan piawaian serta panduan utama kepada semua negara ASEAN dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan pelancongan yang berkualiti dan berprestasi tinggi.

Sesi penilaian telah dijalankan pada Ogos 2023 lalu, oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Untuk rekod, penerimaan Anugerah ini merupakan pencapaian kali ketiga DBKK setelah berjaya merangkul Anugerah yang sama pada tahun 2018-2020 dan 2020-2022. Penyerahan Sijil Anugerah Asean Clean Tourist City Standards Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2024-2026 telah disempurnakan pada 30 April 2024, kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja Dewan Bandaraya Kota Kinabalu di atas pengiktirafan ini.

DINAMIKA PUSPANITA CAWANGAN BANDARAYA KOTA KINABALU:

MENGUKUHKAN KOMUNITI DAN KEBAJIKAN DI KOTA KINABALU

Sepanjang Januari hingga Jun 2024, Persatuan PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu (CBKK) telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program yang berjaya mengeratkan hubungan dalam kalangan ahli serta warga Bandaraya Kota Kinabalu. Dengan jumlah keahlian seramai 485 orang setakat 9 Julai 2024, ahli-ahli PUSPANITA CBKK menunjukkan komitmen tinggi dalam setiap aktiviti, program dan mesyuarat yang diadakan.

Program pertama telah diadakan pada 12 Januari 2024 yang lalu iaitu Majlis Serah Nota Tugas Pengerusi PUSPANITA CBKK, di mana Puan Rosnah Datu Tumai telah menyerahkan tugas sebagai Pengerusi kepada Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi dengan disaksikan oleh Penasihat PUSPANITA CBKK, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP.

Mesyuarat Agung Tahunan ke-30 PUSPANITA CBKK pula telah diadakan pada 6 Februari 2024 di Dewan Mesyuarat, DBKK. Pelbagai aktiviti dan kempen telah diusulkan melalui mesyuarat ini dengan harapan agar semua ahli akan memberi penyertaan dan sokongan aktif kepada aktiviti-aktiviti yang bakal diadakan.

Pada 2 Mac 2024, acara Friendly Ride Bersama Toh Puan telah diadakan di Padang Merdeka Kota Kinabalu sempena Sambutan Ulang Tahun ke-24 Bandaraya Kota Kinabalu. Acara pelepasan telah disempurnakan oleh Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dengan penyertaan Pengerusi dan 15 ahli PUSPANITA.

Sambutan Hari Wanita Peringkat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Tahun 2024 pula telah diadakan dengan jayanya pada 8 Mac 2024, sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia. Acara telah disempurnakan oleh Mayor Bandaraya Kota Kinabalu selaku tetamu kehormat, diikuti dengan Majlis Apresiasi Sambutan Hari Wanita bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PUSPANITA CBKK yang berlangsung di Hotel Horizon Kota Kinabalu.

Aktiviti santai 'Suka Suka Kita' turut telah diadakan di Taman Awam Teluk Likas pada 21 Mei 2024, bagi memberi peluang kepada semua ahli untuk beriadah dan mengeratkan silaturahim selain mengadakan Lawatan Sosial ke Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko, Lembaga Koko Sabah, FAMA serta Rumah Bakti Harapan di Inanam. Lawatan ini adalah sebagai platform perkongsian ilmu dan pada masa sama menyumbang kepada Rumah Bakti Harapan iaitu rumah perlindungan dan penjagaan insan-insan istimewa, Orang Kelainan Upaya (OKU).

12 JANUARI 2024

MAJLIS PENYAMPAIAN NOTA SERAH TUGAS PENERUSI PUSPANITA CBKK



Dewan Mesyuarat, DBKK

6 FEBRUARI 2024

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) PUSPANITA CBKK



Dewan Mesyuarat, DBKK

2 MAC 2024

FRIENDLY RIDE BERSAMA TOH PUAN



Padang Merdeka Kota Kinabalu

8 MAC 2024

SAMBUTAN HARI WANITA DBKK - (WANITA DIJULANG NEGARA GEMILANG)



Pekarangan Bangunan DBKK

8 MAC 2024

MAJLIS APRESIASI HARI WANITA



Hotel Horizon, Kota Kinabalu

21 MEI 2024

SUKA SUKA KITA



Taman Awam Teluk Likas

13 JUN 2024

LAWATAN SOSIAL PUSPANITA CBKK



Rumah Bakti Harapan, Inanam, Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko, Lembaga Koko Sabah, FAMA

ANJUNG KINABALU, LOKASI PERINTIS PELAKSANAAN KEMPEN HARUM KINABALU



Majlis Peluncuran Kempen Harum Kinabalu anjuran bersama PUSPANITA Cawangan Sabah, PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah berlangsung dengan jayanya pada 7 Jun 2024 lalu.

Program ini merupakan cetusan idea Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Dr. Hajah

Nuinda binti Haji Alias yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang bersih, ceria dan selamat untuk dikunjungi di samping meningkatkan kesedaran kepada masyarakat setempat, pemilik premis atas kepentingan kebersihan.

Hadir meluncurkan majlis adalah Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, *JP*, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Negeri Sabah. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dan Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu.

Menerusi kempen ini, kompleks pasar Kota Kinabalu telah diberi nafas baharu menerusi penjenamaan semula kepada Anjung Kinabalu. Setiap blok-blok bangunan pasar turut diberi nama baharu yang diinspirasikan daripada jualan utama di pasar berkenaan. Antaranya ialah D'Walai Suri (Pasar Malam), D'Walai Mutiara (Pasar Kraftangan), D'Walai Cincin (Pasar Sinsuran), D'Walai Haruman (Pasar Buah) dan D'Walai Matabiru (Pasar Ikan Masin).

Kempen ini telah diadakan secara berterusan selama sebulan, bermula 7 Jun 2024 sehingga 6 Julai 2024, dan diisi dengan pelbagai aktiviti selaras dengan objektif program. Antaranya ialah pembersihan pasar, penyediaan tong sampah, penyediaan

papan tanda larangan membuang sampah merata-rata, pasar sebagai Zon Contoh Kebersihan, Zon Pasar Terbersih dan Penggredan Zon Terbersih / Gerai Bersih.

Untuk rekod, program ini melibatkan seramai 383 pengusaha gerai di Anjung Kinabalu yang berada di bawah pengurusan tiga persatuan iaitu Persatuan Penjaja Bumiputera Pantai Barat Kota Kinabalu, Persatuan Peniaga Kraftangan Kota Kinabalu dan Persatuan Penjual Ikan Masin dan Buah.

Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat menayakan majlis ini!



BERSAMA DBKK HOLDINGS SDN. BHD.

DBKK Holdings Sdn. Bhd. (DBKKH SB) adalah sebuah syarikat korporat milik penuh Mayor Bandaraya Kota Kinabalu yang bertanggungjawab dalam menyelaraskan projek pembangunan usaha sama bersama pelabur, mengurus dan mengoperasikan Terminal Bas Bandaraya Utara (CBTN) Inanam, bangunan KK Sentral dan tempat letak kereta di seluruh kawasan Bandaraya Kota Kinabalu.

Dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini, DBKKH SB melalui Bahagian Pengurusan Letak Kereta terus menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat. Selain aktif menyertai program anjuran agensi luar, DBKKH SB sentiasa memanfaatkan setiap platform acara dengan membuka kaunter semakan dan bayaran kompaun dalam mana-mana penganjuran acara sebagai kemudahan kepada masyarakat awam yang ingin membuat urusan semakan dan bayaran.

Pada 5 Mac 2024, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu telah membuat kunjungan rasmi ke pejabat Bahagian Pengurusan Letak Kereta. Kunjungan ini bertujuan untuk mendekati dengan lebih lanjut akan sistem pengurusan operasi letak kereta di bandar raya, sekali gus bersuai kenal dengan warga kerja pegawai DBKKH SB.



Pembukaan Kaunter Bayaran Sempena Program Race Expo & Race Pack Collection Borneo Half Marathon 2024

📅 2 - 3 Februari 2024

📍 Dewan Masyarakat Kota Kinabalu

Pembukaan Kaunter Bayaran Sempena Program Jumbo Sale Anjuran Kelab Sukan, Kebajikan Dan Rekreasi Mahkamah-mahkamah Sabah (KERMAN)

📅 24 - 25 Februari 2024

📍 Kompleks Mahkamah Negeri Sabah

Pembukaan Kaunter Bayaran Sempena Program Majlis Tilawah Dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sabah Tahun 2024M/1445H

📅 24 - 26 April 2024

📍 Kawasan Tempat Letak Kenderaan, Dewan Sri Putatan

Jasamu Dikenang



ROSNAH BINTI DATU TUMAI

Tarikh Lantikan:

02/04/2001

Tarikh Bersara:

03/04/2024

Tempoh Perkhidmatan:

23 Tahun

Jawatan:

Pegawai Tadbir N52

Jabatan:

Pejabat Timbalan Ketua Pengarah
(Khidmat Pengurusan)



RUBIA BINTI ENTOH @ INTU

Tarikh Lantikan:

24/11/1986

Tarikh Bersara:

03/04/2024

Tempoh Perkhidmatan:

38 Tahun

Jawatan:

Pegawai Tadbir N44

Jabatan:

Jabatan Pengurusan Harta



MOKINSOL MOMINTAL

Tarikh Lantikan:

05/10/1984

Tarikh Bersara:

18/01/2024

Tempoh Perkhidmatan:

40 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Pengurusan Harta



DOMIN GUSTOT

Tarikh Lantikan:

03/09/1994

Tarikh Bersara:

01/02/2024

Tempoh Perkhidmatan:

30 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Pelesenan



POININ BTE LUUK

Tarikh Lantikan:

10/09/1980

Tarikh Bersara:

29/02/2024

Tempoh Perkhidmatan:

44 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Landskap



RAJIN MAMANTAK

Tarikh Lantikan:

07/01/1993

Tarikh Bersara:

08/03/2024

Tempoh Perkhidmatan:

31 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal



HASSAN BIN ABDULLAH

Tarikh Lantikan:

21/05/1981

Tarikh Bersara:

11/03/2024

Tempoh Perkhidmatan:

43 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal



RAINI BINTI KATUS

Tarikh Lantikan:

03/01/1997

Tarikh Bersara:

20/03/2024

Tempoh Perkhidmatan:

27 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal



ONJILIN SULINGTON

Tarikh Lantikan:

01/06/1984

Tarikh Bersara:

29/03/2024

Tempoh Perkhidmatan:

40 Tahun

Jawatan:

Pembantu Tadbir N22

Jabatan:

Jabatan Kewangan dan Belanjawan



ISAH BTE BALI

Tarikh Lantikan:

05/09/1985

Tarikh Bersara:

31/03/2024

Tempoh Perkhidmatan:

39 Tahun

Jawatan:

Pembantu Operasi N11

Jabatan:

Jabatan Kewangan dan Belanjawan



SOPIAH BINTI BORUBUI

Tarikh Lantikan:

15/06/1987

Tarikh Bersara:

10/01/2024

Tempoh Perkhidmatan:

37 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal



PAINOL BIN MAJUNI

Tarikh Lantikan:

01/06/1981

Tarikh Bersara:

14/01/2024

Tempoh Perkhidmatan:

43 Tahun

Jawatan:

Pemandu Kenderaan

Jabatan:

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal

Jasamu Dikenang



VICTOR BIN JOANES

Tarikh Lantikan:

03/12/1987

Tarikh Bersara:

10/04/2024

Tempoh Perkhidmatan:

37 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Kejuruteraan



ASMAT ASBI

Tarikh Lantikan:

15/10/1984

Tarikh Bersara:

05/05/2024

Tempoh Perkhidmatan:

40 Tahun

Jawatan:

Pembantu Penilaian W26

Jabatan:

Jabatan Penilaian



DOMILAH BINTI MOGUNGOU

Tarikh Lantikan:

20/02/1995

Tarikh Bersara:

07/05/2024

Tempoh Perkhidmatan:

29 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Landskap



MOTIUS DAPAN

Tarikh Lantikan:

20/02/1991

Tarikh Bersara:

13/05/2024

Tempoh Perkhidmatan:

33 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Kejuruteraan



YANTIS @ ANTIS GITOM

Tarikh Lantikan:

06/04/1990

Tarikh Bersara:

23/05/2024

Tempoh Perkhidmatan:

34 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal



DAID BIN ABAS

Tarikh Lantikan:

27/06/1986

Tarikh Bersara:

26/05/2024

Tempoh Perkhidmatan:

38 Tahun

Jawatan:

Pembantu Operasi N11

Jabatan:

Pejabat Mayor



HILDI SAGARON

Tarikh Lantikan:

01/07/1980

Tarikh Bersara:

28/06/2024

Tempoh Perkhidmatan:

44 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal



POIT BIN KANAM

Tarikh Lantikan:

02/10/1991

Tarikh Bersara:

29/06/2024

Tempoh Perkhidmatan:

33 Tahun

Jawatan:

Pembantu Awam H11

Jabatan:

Jabatan Pelesenan

Belasungkawa
Salam Takziah



kepada seluruh keluarga

Mohd. Azahar bin Ag. Badar
Pembantu Awam Gred H11
Jabatan Kejuruteraan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Tempoh Perkhidmatan: 2023 - 2024

yang telah meninggal dunia pada 19 Jun 2024

Ikhlas daripada,

Mayor Bandaraya Kota Kinabalu
dan
seluruh warga kerja Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

PELAKSANAAN SPSS DI BANDARAN BERJAYA



DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (DBKK)
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

LATAR BELAKANG PROGRAM

Sejajar dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya - Pelan Pembangunan SMJ 1.0(2021-2025), Kerajaan Negeri telah menumpukan inisiatif bagi membolehkan rakyat mendapat kehidupan yang lebih baik, kemudahan yang menyokong keperluan rakyat serta mengekalkan daya huni bumi untuk generasi masa hadapan. Bagi mendokong inisiatif ini, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal DBKK telah berjaya merangka program Sistem Pelupusan Sampah Sendiri (SPSS) untuk mengatasi masalah sampah yang melimpah dan bau busuk di pusat pembuangan sampah pusat bandar Kota Kinabalu.

SISTEM PELUPUSAN SAMPAH SENDIRI (SPSS)

IMPAK SPSS



TIADA
BAU BUSUK AKIBAT
PEREPUTAN
SAMPAH



TIADA
SAMPAH
MELIMPAH &
BERTABURAN



SAMPAH TIDAK
DISELONGKAR



POPULASI TIKUS
BERKURANG



TIADA
TUMPAHAN
LEACHATE

PELAKSANAAN SPSS

PROSES PELAKSANAAN

1. SESI LIBAT URUS (24 MEI 2024)
2. NOTIS PELAKSANAAN (6 JUN 2024)
3. PEMASANGAN PAPAN TANDA & JADUAL (12 JUN 2024)
4. PENUTUPAN RUMAH SAMPAH (14 JUN 2024, 12 TGH MLM)
5. SISTEM SPSS DIMULAKAN (15 JUN 2024, 06.30 PAGI)

(1) KAMPUNG AIR **100%**
BERJAYA DIMULAKAN PADA 01 JANUARI 2020
120 PREMIS KEDIAMAN & KOMERSIAL
9 TAN SAMPAH SEHARI



(2) MEDAN SELERA ANJUNG SENJA **100%**
BERJAYA DIMULAKAN PADA 01 APRIL 2023
20 PREMIS RESTORAN : 2.5 TAN SAMPAH SEHARI



Akan datang....
pada tahun 2024
KOMPLEKS SINSURAN



& SELURUH KAWASAN
PUSAT BANDAR
KOTA KINABALU



APAKAH SPSS?

1. PENDUDUK & PENGUSAHA PREMIS MELUPUSKAN SAMPAH DENGAN SENDIRI TERUS KE LORI PENGUTIPAN
2. TIADA LAGI PENGGUNAAN RUMAH SAMPAH
3. HANYA SISA DOMESTIK DIBENARKAN UNTUK DILUPUSKAN



3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING



6 CLEAN WATER AND SANITATION



8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES



12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION



14 LIFE BELOW WATER



UNTUK MAKLUMAT DAN PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI:
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DBKK
(TEL/WHATSAPP 017 827 2217)



Kempen
**PENGURANGAN
PENGUNAAN
BEG PLASTIK**

Bring Your Own Bag

Bawa Beg Bah

SETIAP HARI





Disokong Oleh:

YAYASAN
HASANAH
A foundation of Khazanah Nasional



PLASTIC4CHANGE

KEMPEN TEBUS PLASTIK

(Ke Arah Pelancongan Berasaskan Komuniti Lestari)



- ☑ PERIKSA SIMBOL  
- ☑ TANGGALKAN PENUTUP BOTOL
- ☑ TANGGALKAN LABEL
- ☑ BERSIHKAN BAHAGIAN DALAM BOTOL ✨
- ☑ KUMPULKAN PLASTIK ANDA DAN DAPATKAN E-COUPON DARI ORGANISER

5 KG PLASTIK
HDPE & LDPE




Terms & Conditions

- Must be a CKS App Member
- Coupon valid for 1 year from issuance
- Coupon can be redeemed at all CKS Supermarket & Pro
- Single use only

RM 5 e-Coupon

Download on Play Store | Download on App Store



+60 18-965 5281



2pm- 4pm
Last Saturdays
July - December 2024



Balairaya,
Homestay Desa Cinta Kobuni,
Inanam



TOLAK. KURANG. GUNA SEMULA. KITAR SEMULA. KOMPOS

<https://ripplesabah.myportfolio.com/about>



PUSAT LESTARI
KOTA KINABALU

PUSAT LESTARI KOTA KINABALU

Pusat Lestari Kota Kinabalu (PLKK) ialah pusat yang menawarkan perkhidmatan menerima sumbangan barangan terpakai, membaik pulih barangan elektrik yang rosak dan menyediakan perkhidmatan pembelian barangan kitar semula.

LOKASI



Scan QR Kod

MASA OPERASI

SUMBANGAN BARANGAN TERPAKAI

SETIAP HARI

8.00 PAGI - 1.00 PETANG
2.00 PETANG - 4.00 PETANG

PEMBELIAN BARANGAN KITAR SEMULA & MINYAK MASAK TERPAKAI

SETIAP SABTU

9.00 PAGI - 1.00 PETANG

PENGUMPULAN BARANGAN E-WASTE

SETIAP HARI

8.00 PAGI - 1.00 PETANG
2.00 PETANG - 4.00 PETANG

PELUANG PEKERJAAN

Pusat Lestari Kota Kinabalu turut menawarkan peluang pekerjaan bagi mereka yang mempunyai kemahiran seperti berikut:



Membaiki
kasut



Menjahit



Membaiki
barangan elektrik



Membaiki telefon
bimbit dan
komputer



#KKbersihdanhijau



017-8272217



Join **KITAR SEMULA**

"Tukar barangan anda kepada wang tunai"

Buka : Setiap hari Sabtu sahaja
Waktu Beroperasi : 9.00 Pagi - 1.00 Petang
Tempat : Pusat Lestari Kota Kinabalu



Senarai harga beli barangan kitar semula di PLKK

BIL.	KATEGORI KITAR SEMULA	HARGA PER KG (RM)
1.	KERTAS HITAM PUTIH	0.30
2.	SURAT KHABAR	0.50
3.	KOTAK	0.20
4.	KERTAS CAMPUR	0.12
5.	MAJALAH	0.20
6.	TIN ALUMINIUM	3.80
7.	TIN BESI	0.35
8.	BOTOL PLASTIK	0.10
9.	MINYAK TERPAKAI	2.00

• Harga barangan kitar semula adalah tidak tetap dan boleh berubah-ubah





HOTLINE ADUAN

ISNIN - JUMAAT: 8 PAGI - 5 PETANG

+6088 313 991
+6012 822 6601
+6012 811 4465



+6012 222 0220



eims@dbkk.sabah.gov.my



dbkk.official



DBKKOFFICIALTVOnline



Dewan Bandaraya Kota Kinabalu



dewanbandarayakk